MTCS ST 1002:2021

# MC&I SFM

## Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan

30 September 2021



**SKIM PENSIJILAN KAYU MALAYSIA** **MTCS ST 1002:2021**

*Dokumen Normatif*

**30 September 2021**
**(Tarikh penerbitan)**

**Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan**

**Majlis Pensijilan Kayu Malaysia**
C-8-5, Blok C, Megan Avenue 2
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +60 (0)3 2161 2298, Faks: +60 (0)03 2161 2293
Emel: info@mtcc.com.my, Laman Web: www.mtcc.com.my

© Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC)

Dokumen ini boleh didapati secara percuma daripada laman sesawang MTCC www.mtcc.com.my atau atas permintaan.

Bahasa rasmi dokumen ini adalah dalam Bahasa Inggeris. Apabila terdapat percanggahan antara terjemahan bahasa, dokumen versi Bahasa Inggeris adalah menjadi rujukan.

MC&I SFM disemak semula dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun. MTCC mengalu-alukan maklum balas, komen, aduan serta permintaan untuk penjelasan dan/atau tafsiran daripada pembaca yang boleh dihantar kepada kami dengan segera melalui e-mel di info@mtcc.com.my atau ke alamat kami di *Majlis Pensijilan Kayu Malaysia, C-8-5, Blok C, Megan Avenue 2, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia*.

**Nama dokumen** : Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan

**Tajuk dokumen** : MC&I SFM 1/2020
*(Standard ini boleh dinamakan sebagai MC&I SFM)*

**Diluluskan oleh** : Lembaga Pemegang Amanah MTCC

**Tarikh diluluskan** : 5 Mac 2020

**Tarikh penerbitan** : 19 Mac 2020

**Tarikh pelaksanaan (Tarikh mula kuatkuasa)** : 1 Januari 2021

**Semakan semula seterusnya** : 5 Mac 2025

**Edisi semakan semula Genting Masa**

**Tajuk dokumen** : MC&I ST 1002:2021

**Diluluskan oleh** : Lembaga Pemegang Amanah MTCC

**Tarikh diluluskan** : 30 September 2021

**Tarikh penerbitan** : 30 September 2021

**Tarikh pelaksanaan (Tarikh mula kuatkuasa)** : 30 September 2021

**Semakan semula seterusnya** : 5 Mac 2025

## PENDAHULUAN

Sebagai Badan Pentadbir Kebangsaan (NGB) bagi Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS), Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC) bertanggungjawab bagi memudahcara pembangunan dan penerbitan standard-standard pensijilan yang digunakan di bawah MTCS. MTCS menyediakan penilaian bebas terhadap amalan-amalan pengurusan hutan dan audit pengilang-pengilang atau pengeksport-pengeksport produk kayu untuk memastikan bahawa produk-produk kayu yang dihasilkan atau dieksport diperoleh daripada hutan yang diuruskan secara mampan, serta memenuhi permintaan untuk produk-produk kayu yang disijilkan. Untuk memastikan kredibiliti, keteguhan dan penerimaan skim di kalangan pihak-pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa, MTCC berusaha untuk memastikan skim kebangsaan yang diiktiraf oleh *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC) ini sentiasa dikemaskini dan memenuhi keperluan-keperluan antarabangsa.

MTCC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan pegawai-pegawai yang terlibat atas kerjasama dalam proses penterjemahan standard ini.

**KANDUNGAN**

Pendahuluan ..... i

Pengenalan ..... 1

Latar Belakang ..... 1

Proses Semakan Semula ..... 1

Penggunaan Standard ..... 2

Definisi Istilah Utama ..... 4

Keperluan MC&I Pengurusan Hutan Mampan

Prinsip 1: Pematuhan kepada Undang-Undang ..... 12

Prinsip 2: Hak Pegangan dan Penggunaan serta Tanggungjawab ..... 20

Prinsip 3: Hak-Hak Orang Asal ..... 23

Prinsip 4: Hubungan Masyarakat dan Hak-Hak Pekerja ..... 27

Prinsip 5: Faedah-Faedah daripada Hutan ..... 34

Prinsip 6: Impak Alam Sekitar ..... 39

Prinsip 7: Rancangan Pengurusan ..... 55

Prinsip 8: Pemantauan dan Penilaian ..... 57

Prinsip 9: Penyelenggaraan Kawasan yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan yang Tinggi (*High Conservation Value Area* - HCVA) ..... 61

Lampiran A: Interpretasi Keperluan dalam Melaksanakan Audit Dalaman, Semakan Semula Pengurusan dan Pelan Pelaksanaan ..... 64

Lampiran B: Interpretasi untuk Keperluan Penyampaian Tuntutan daripada Kawasan Pensijilan ..... 66

Jawatankuasa Semakan Semula Standard (*Standards Review Committe* - SRC) ..... 67

Jawatankuasa Semakan Terjemahan Standard ..... 68

# PENGENALAN

## Latar Belakang

Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pensijilan Pengurusan Hutan (Hutan Asli) [MC&I(Hutan Asli)] adalah standard yang digunakan untuk pensijilan pengurusan hutan semula jadi di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (*Malaysian Timber Certification Scheme* - MTCS). MC&I(Hutan Asli) adalah hasil semakan semula MC&I(2002) yang dijalankan oleh 15 orang ahli Jawatankuasa Semakan Semula Standard (*Standards Review Committe*-SRC) dari April 2009 hingga September 2011. MC&I(Hutan Asli) mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2012.

Selaras dengan Peraturan-Peraturan mengenai Proses Penetapan Standard untuk Pembangunan Standard Pensijilan Kayu dan sebagai skim yang disahkan di bawah *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC), setiap standard pengurusan hutan di bawah MTCS adalah dikehendaki untuk menjalani semakan semula dalam tempoh tidak lebih daripada lima tahun. Ini adalah untuk memastikan bahawa standard itu sentiasa dipertingkatkan dan kekal relevan serta terkini, dengan mengambil kira perkembangan terbaharu dalam teknologi dan sistem pengurusan.

Cadangan Proses dan Garis Masa untuk Semakan Semula MC&I(Hutan Asli) telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah MTCC pada Mesyuarat ke-63 pada 9 Jun 2015. Berikutan cadangan pihak pengurusan MTCC bagi semakan semula untuk mempertimbangkan penggabungan MC&I(Hutan Asli) dengan MC&I Ladang Hutan.v2 sebagai satu standard, maka pihak perunding telah dilantik oleh MTCC.

Untuk mendapatkan maklum balas semua pihak berkepentingan mengenai cadangan penggabungan kedua-dua standard tersebut, hasil daripada rundingan berkenaan telah dibentangkan dalam Dialog Pihak Berkepentingan MTCC yang diadakan pada 28 Julai 2015. Peserta-peserta dialog secara amnya bersepakat bahawa penggabungan dan penyelarasan kedua-dua standard pensijilan pengurusan hutan ini adalah satu pendekatan yang pragmatik dan logik bagi penyemakan semula MC&I(Hutan Asli), dan akan membolehkan penggunaan masa dan sumber daya yang lebih efisien dalam jangka panjang.

## Proses Semakan Semula

Lanjutan daripada pemetaan pihak-pihak berkepentingan, pengumuman mengenai proses semakan semula dan tempoh masa telah disampaikan secara bertulis kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan di Malaysia dan dimuatnaik di laman sesawang MTCC pada 8 Oktober 2015. Proses semakan semula secara rasmi dimulakan dengan pelaksanaan ulasan awam dalam tempoh 60 hari pertama yang diadakan dari 16 November 2015 hingga 15 Januari 2016 untuk mendapatkan maklum balas, ulasan dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan serta mana-mana pihak di Malaysia yang berminat dengan proses semakan semula yang dicadangkan serta standard yang sedang disemak semula.

Oleh kerana proses semakan semula akan dilaksanakan oleh SRC, proses penubuhan keanggotaan SRC dijalankan selari dengan tempoh ulasan awam. Pembentukan SRC dimulakan melalui surat jemputan kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk mencalonkan wakil bagi kumpulan berkepentingan masing-masing kepada SRC. Surat jemputan telah diedarkan oleh MTCC pada 13 November 2015. Pencalonan yang diterima daripada setiap kumpulan berkepentingan telah dikumpulkan dan diedarkan

kepada kumpulan berkepentingan tersebut untuk pengundian pada bulan Januari 2016. Ahli SRC seramai 15 orang itu terdiri daripada wakil-wakil yang dicalonkan oleh pihak berkepentingan masing-masing dan merangkumi kumpulan-kumpulan berkepentingan iaitu sosial (Orang Asal dan kesatuan pekerja), alam sekitar dan ekonomi serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Senarai ahli SRC adalah seperti pada muka surat 62.

Dua mesyuarat SRC untuk menyemak semula MC&I(Hutan Asli) telah dijalankan pada 12-14 April 2016 dan 21-23 September 2016, sejajar dengan semakan semula penanda aras PEFC untuk Pengurusan Hutan Mampan (PHM). Memandangkan semakan semula MC&I(Hutan Asli) perlu mengambil kira perubahan yang dibuat kepada penanda aras PEFC untuk PHM dan bagi memastikan bahawa MC&I(Hutan Asli) yang telah disemak semula ini mematuhi keperluan-keperluan PEFC, Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah MTCC ke-71 yang diadakan pada 7 Mac 2017 telah bersetuju untuk menangguhkan semakan semula MC&I(Hutan Asli) sehingga semakan semula penanda aras PEFC untuk PHM selesai dijalankan.

Lanjutan penerimaan standard penanda aras PEFC dan seiring dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah MTCC ke-75 yang diadakan pada 6 Mac 2018, proses semakan semula MC&I(Hutan Asli) telah disambung semula dengan pelaksanaan Mesyuarat Ketiga SRC yang diadakan pada 17-18 Julai 2018.

Mesyuarat Keempat SRC yang diadakan pada 18-20 Februari 2019 telah menghasilkan Draf Pertanyaan MC&I untuk Pensijilan Pengurusan Hutan, yang merupakan dokumen gabungan yang mengandungi keperluan-keperluan untuk pensijilan kedua-dua hutan asli dan ladang hutan.

Konsultasi awam bagi mengulas Draf Pertanyaan mengenai standard yang telah disemak semula telah diadakan dari 20 Mei hingga 19 Julai 2019. Tiga konsultasi serantau bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak juga telah dijalankan semasa tempoh konsultasi awam untuk memaklumkan kepada pihak berkepentingan serta menjawab pertanyaan mengenai perubahan yang telah dibuat terhadap standard tersebut.

Semua ulasan yang diterima semasa konsultasi awam telah disusun dan dipertimbangkan di Mesyuarat Kelima SRC yang diadakan di Pulau Pinang pada 9-11 Disember 2019. Draf Akhir yang mempertimbangkan kesemua ulasan yang dibuat semasa konsultasi awam telah dimuktamadkan dan diterima pakai oleh Mesyuarat Kelima SRC dan seterusnya diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah MTCC pada 5 Mac 2020.

## Penggunaan Standard

MTCS mematuhi peraturan tadbir urus yang baik bagi mengekalkan kesaksamaan, kebebasan dan ketelusan dalam pembangunan dan pelaksanaan standard ini. Pematuhan ini dicapai melalui penyertaan terbuka pelbagai pihak berkepentingan dalam SRC serta input-input yang diterima daripada pihak berkepentingan yang berminat sepanjang proses semakan semula standard.

Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I) untuk Pengurusan Hutan Mampan (PHM) atau singkatannya MC&I SFM adalah standard kebangsaan pensijilan pengurusan hutan yang menetapkan keperluan-keperluan untuk pensijilan sistem pengurusan hutan mampan bagi unit pengurusan hutan (FMU) yang

ditentukan, sama ada  hutan asli atau ladang hutan. Standard ini menggantikan MC&I(Hutan Asli) dan MC&I Ladang Hutan.v2 sebagai standard yang akan digunakan untuk pensijilan pengurusan hutan bagi hutan asli dan ladang hutan di Malaysia.

Standard ini telah direka untuk menyokong dan mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan di dalam kawasan operasi pengurus hutan, di mana pematuhan undang-undang adalah keperluan minimum. Ia adalah set keperluan-keperluan yang menyokong pencapaian pengurusan hutan mampan yang mana berkemungkinan melangkaui had perundangan minimum untuk memenuhi keperluan pensijilan daripada aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Standard ini disusun sejajar dengan sembilan (9) Prinsip seperti berikut:

Prinsip 1: Pematuhan kepada Undang-Undang

Prinsip 2: Hak Pegangan dan Penggunaan serta Tanggungjawab

Prinsip 3: Hak-Hak Orang Asal

Prinsip 4: Hubungan Masyarakat dan Hak-Hak Pekerja

Prinsip 5: Faedah-Faedah daripada Hutan

Prinsip 6: Impak Alam Sekitar

Prinsip 7: Rancangan Pengurusan

Prinsip 8: Pemantauan dan Penilaian

Prinsip 9: Penyelenggaraan Kawasan yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan yang Tinggi (HCVA)

Keperluan-keperluan dalam standard ini diguna pakai untuk kedua-dua hutan asli dan ladang hutan kecuali dinyatakan secara khusus dalam Kriteria atau Petunjuk atau *Verifier*, dan mesti dipatuhi sepanjang aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di dalam Unit Pengurusan Hutan (FMU) sama ada oleh pemilik, pengurus, kontraktor, pengendali atau pekerja-pekerja yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengurusan FMU.

Pemilik-pemilik atau pengurus-pengurus hutan boleh membentuk kumpulan yang dapat disijilkan mengikut keperluan standard ini di bawah konsep pensijilan berkelompok. Dokumen panduan bagi permohonan pensijilan pengurusan hutan berkelompok boleh dimuat turun daripada laman sesawang MTCC.

Standard ini merupakan dokumen normatif, yang mana tafsiran atau panduan berkemungkinan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk memberikan penjelasan tambahan mengenai keperluan-keperluan standard.

NOTA 1: Pengurusan hutan merangkumi kedua-dua pengurusan hutan asli dan ladang hutan.

NOTA 2: Unit pengurusan hutan (FMU) merujuk kepada unit pengurusan hutan asli atau unit pengurusan ladang hutan.

NOTA 3: Pelan pengurusan hutan merujuk kepada pelan pengurusan hutan untuk hutan asli atau pelan pengurusan ladang hutan atau pelan pembangunan perladangan.

**DEFINISI ISTILAH UTAMA**

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| **Orang Asli** | Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah pribumi seperti yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 160(2), dan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) 1954, Seksyen 3. |
| **Adat** | Norma dan adat yang diterima dan dijadikan panduan kehidupan masyarakat Orang Asal, merangkumi cara hidup, nilai-nilai asas, sistem-sistem kepercayaan, tata kelakuan, adab sopan, konvensyen-konvensyen, amalan-amalan pertanian dan kebudayaan mengikut susun atur masyarakat Orang Asal |
| **Agen-agen kawalan biologi** | Organisma hidup yang digunakan untuk menghapuskan atau mengawal populasi organisma-organisma hidup yang lain.<br>(Sumber: IUCN, 2016) |
| **Koridor biologi** | Kawasan habitat yang menghubungkan populasi-populasi hidupan liar yang terpisah oleh aktiviti-aktiviti manusia (seperti jalan raya, pembangunan atau pembalakan). Ini membolehkan pertukaran individu di antara populasi, yang boleh membantu mencegah kesan negatif daripada pembiakbakaan dalam dan pengurangan kepelbagaian genetik (melalui hanyutan genetik) yang sering berlaku dalam populasi-populasi terpencil. Koridor-koridor juga boleh membantu memudahkan pembentukan semula populasi-populasi yang telah berkurangan atau terhapus disebabkan oleh kejadian luar jangka (seperti kebakaran atau penyakit). Ini mungkin berpotensi mengurangkan beberapa kesan terburuk dari fragmentasi habitat. |
| **Kepelbagaian Biologi** | Kebolehubahan antara organisma-organisma hidup daripada semua sumber termasuk, antara lain, ekosistem daratan, marin dan akuatik lain dan kompleks-kompleks ekologi yang mana sebahagiannya merangkumi kepelbagaian dalam spesies, antara spesies dan ekosistem-ekosistem.<br>(Sumber: Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 1992) |
| **Rantaian Jagaan (produk berasas hutan)** | Proses pengendalian maklumat mengenai kategori bahan produk berasas hutan yang membolehkan organisasi membuat pengesahan tuntutan mengenai kandungan bahan yang disijilkan.<br>(Sumber: PEFC ST 2002:2013 – *Chain of Custody of Forest Based Products - Requirements*) |
| **Kriteria** | Suatu kaedah untuk menilai sama ada Prinsip dalam standard telah dipenuhi atau tidak. |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| **Hak adat** | Boleh difahami sebagai akses, kawalan dan penggunaan tanah mengikut prinsip, nilai, adat dan tradisi yang lama, termasuk penggunaan bermusim atau kitaran, yang beroperasi di luar sistem perundangan yang formal. Hak-hak ini dikaitkan dengan institusi pentadbiran tanah tradisional dan undang-undang adat yang menentukan bagaimana hak-hak diperintah, diperuntuk dan dipelihara.<br>(Sumber: *UN-REDD programme, Legal Analysis of Cross-Cutting Issues for REDD+ Implementation: Lessons learned from Mexico, Viet Nam and Zambia, 2013*) |
| **Hutan Terosot** | Tanah dengan penurunan ketara jangka panjang dalam potensi keseluruhan untuk membekalkan faedah-faedah daripada hutan, yang meliputi penyimpanan karbon, kayu, biodiversiti dan barangan-barangan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain.<br>(Sumber: PEFC ST 1003:2018 – *Sustainable Forest Management – Requirements*) |
| **Ekosistem** | Satu kompleks dinamik komuniti tumbuhan, haiwan dan mikro-organisma serta persekitaran bukan hidup mereka yang berinteraksi sebagai satu unit yang berfungsi.<br>(Sumber: Artikel 2, Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 1992) |
| **Kawasan sensitif alam sekitar** | Kawasan-kawasan yang sangat penting dari segi barangan, perkhidmatan dan sistem sokongan kehidupan seperti bekalan sumber air, kawalan perosak dan kawalan hakisan. Di samping itu kawasan ini juga menyimpan kekayaan biodiversiti negara sebagaimana takrifan di bawah Definisi dan Kriteria Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (ESA), Rancangan Fizikal Negara-3.<br>(Sumber: Diadaptasikan daripada Rancangan Fizikal Negara-2, 2010) |
| **Spesies Eksotik** | Spesies tumbuhan atau haiwan yang diperkenalkan ke dalam kawasan di mana ia tidak wujud secara semula jadi, dan bukan spesies semula jadi. |
| **Hutan** | Kawasan tanah berkeluasan minimum 0.5 hektar dengan penutupan silara pokok (atau tahap stok setara) yang sekurang-kurangnya 30 peratus dengan pokok-pokok berpotensi untuk mencapai ketinggian minimum 2-5 meter pada masa matang dalam kawasan asal. Sesebuah hutan itu mungkin terdiri daripada pembentukan hutan tertutup di mana pokok-pokok daripada pelbagai tingkat dan belukar melitupi sebahagian besar tanah atau hutan terbuka. Dirian semula jadi yang muda dan semua ladang hutan yang belum mencapai kepadatan silara pokok 10-30 peratus atau ketinggian pokok 2-5 meter adalah juga termasuk sebagai hutan.<br>(Sumber: Diadaptasikan daripada ITTO, 2002 dan FAO, 2003) |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| **Penukaran Hutan** | Perubahan hutan secara langsung oleh manusia kepada tanah bukan hutan atau ladang hutan.<br>Nota: Regenerasi melalui penanaman semula atau penyemaian terus dan/atau penjanaan sumber-sumber benih semula jadi yang disebabkan oleh manusia, kepada spesies dominan yang sama seperti yang dituai atau campuran spesies lain yang terdapat dalam campuran spesies asal tidak dianggap sebagai satu penukaran.<br>(Sumber: PEFC ST 1003:2018 – *Sustainable Forest Management – Requirements*) |
| **Pengurusan / pengurus hutan** | Pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan operasi sumber hutan dan perusahaan, termasuk sistem dan struktur pengurusan, serta perancangan dan operasi lapangan. |
| **Unit pengurusan hutan (FMU)** | Unit pengurusan hutan adalah kawasan hutan asli atau ladang hutan yang ditentukan dengan jelas yang diuruskan dengan set objektif yang terperinci dan mengikut pelan pengurusan jangka panjang. |
| **Ladang hutan** | Hutan yang mempunyai spesies diperkenalkan, dan dalam sesetengah keadaan spesies asli, diwujudkan melalui penanaman atau penyemaian, terutamanya untuk pengeluaran kayu dan barangan bukan kayu serta perkhidmatan.<br>Nota 1: Termasuk semua dirian spesies diperkenalkan yang diwujudkan untuk pengeluaran kayu atau barangan bukan kayu serta perkhidmatan.<br>Nota 2: Ia mungkin termasuk kawasan-kawasan spesies semula jadi yang bercirikan beberapa spesies, persiapan kawasan yang intensif (contohnya penanaman), tanaman pokok secara baris dan/atau dirian umur sebaya.<br>(Sumber: PEFC ST 1003:2018 – Sustainable Forest Management – Requirements) |
| **Pekerja hutan** | Seorang individu yang merupakan pekerja pengurus FMU, pemegang lesen, kontraktor atau pengilang, atau merupakan pemilik/pengendali bebas yang menjalankan satu atau lebih fasa yang terlibat dalam pengusahasilan (hutan asli)/penuaian (ladang hutan) kayu-kayan daripada kawasan lesen, atau penghantaran kayu-kayan kepada loji penukaran. Dalam konteks dokumen ini, definisi pekerja termasuklah pekerja tempatan dan pekerja warga asing. |
| **Makluman awal, bebas dan telus** | Suatu proses membuat keputusan yang tidak melibatkan paksaan/pengaruh yang tidak wajar/manipulasi (bebas), dibuat sebelum aktiviti dijalankan (awalan), dan berdasarkan pemahaman yang jelas (pemberitahuan), dan melibatkan persetujuan (mengatakan 'ya' atau 'tidak') terhadap sesuatu |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| | aktiviti, program atau dasar (persetujuan). Dalam proses FPIC, persetujuan hendaklah difahami berdasarkan takrif istilah "*consensus*". |
| **Organisma/pokok yang diubah suai secara genetik** | Pokok yang telah diubah genetiknya sama ada secara semula jadi melalui pembiakan dan/atau penggabungan, dengan mengambil kira aspek perundangan yang berkaitan yang memberikan takrifan yang khusus bagi organisma-organisma diubah suai secara genetik.<br>Nota 1: Teknik-teknik berikut dianggap sebagai pengubahsuaian genetik yang menghasilkan pokok-pokok diubah suai secara genetik (*EU Directive 2001/18/EC*):<br>1. teknik-teknik asid nukleik rekombinan yang melibatkan pembentukan kombinasi-kombinasi bahan genetik baharu melalui penyisipan molekul asid nukleik yang dihasilkan dengan apa jua cara di luar organisma, ke dalam mana-mana virus, plasmid bakteria atau sistem vektor lain dan penggabungan mereka ke dalam organisma tuan rumah di mana tidak berlaku secara semula jadi tetapi yang mana mampu meneruskan pembiakan;<br>2. teknik-teknik yang melibatkan gabungan langsung ke dalam organisma bahan-bahan boleh diwarisi yang disediakan di luar organisma termasuk suntikan mikro, suntikan makro, dan pengkapsulan mikro;<br>3. Penggandaan sel (termasuk penggandaan protoplas) atau teknik-teknik pembaikbiakan di mana sel-sel hidup dengan kombinasi-kombinasi baharu bahan genetik boleh diwarisi, dibentuk melalui penggandaan dua atau lebih sel dengan kaedah-kaedah yang tidak berlaku secara semula jadi.<br>Nota 2: Teknik-teknik berikut tidak dianggap sebagai pengubahsuaian genetik yang menghasilkan pokok-pokok yang diubah suai secara genetik (*EU Directive 2001/18/EC*):<br>1. persenyawaan *in-vitro*;<br>2. proses-proses semula jadi seperti konjugasi, transduksi, transformasi;<br>3. aruhan polyploidi.<br>(Sumber: Arahan EU 2001/18 / EC) |
| **Kawasan yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan yang Tinggi (HCVA)** | Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVA) adalah kawasan yang mempunyai satu atau lebih sifat-sifat berikut:<br>a) Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biodiversiti yang signifikan di peringkat global, serantau atau kebangsaan (contohnya: endemik, spesies terancam, refugia); dan/atau hutan-hutan peringkat landskap yang besar, yang terkandung di dalamnya, atau yang mengandungi unit pengurusan, di mana kebanyakan populasi |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| | yang berdaya hidup adalah bukan spesies yang terjadi secara semula jadi yang wujud dalam pola-pola pengagihan dan kelimpahan semula jadi.<br>b) Kawasan-kawasan hutan yang di dalam atau mempunyai ekosistem yang jarang ditemui, dalam bahaya atau terancam.<br>c) Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan asas alam semula jadi dalam situasi-situasi kritikal (contohnya perlindungan kawasan tadahan air, kawalan hakisan).<br>d) Kawasan-kawasan hutan yang mensasarkan untuk memenuhi keperluan-keperluan asas masyarakat setempat (contohnya sara hidup, kesihatan) dan/atau kritikal kepada identiti budaya tradisional masyarakat setempat (kawasan-kawasan yang mempunyai kaitan budaya, ekologi, ekonomi atau keagamaan yang dikenal pasti dengan kerjasama komuniti-komuniti setempat tersebut).<br>Maklumat tambahan: *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values, 2018* |
| **Petunjuk** | Sesuatu ciri yang kualitatif, kuantitatif atau deskriptif di mana apabila disukat atau dipantau secara berkala akan menunjukkan arah perubahan sesuatu Kriteria.<br>(Sumber: ITTO, 2016) |
| **Orang Asal** | Orang Asal di Malaysia merujuk kepada Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan Pribumi di Sabah dan Sarawak. |
| **Pribumi** | Pribumi di Sabah adalah Orang Asal seperti yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 161 (A), Fasal 6 dan *Interpretation (Definition of Native) Ordinance, 1952.*<br>Pribumi di Sarawak adalah Orang Asal seperti yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 161 (A), Fasal 6 dan 7 dan *Schedule to the Interpretation Ordinance, 2005 (Cap. 61).* |
| **Landskap** | Suatu mozek geografi yang terbentuk daripada ekosistem-ekosistem yang berinteraksi akibat pengaruh geologi, topografi, tanah, iklim, biotik dan manusia di kawasan tertentu.<br>(Sumber: IUCN, 2016) |
| **Masyarakat Setempat** | Masyarakat yang tetap atau stabil yang bergantung kepada sumber dan ekosistem hutan, serta mempunyai peraturan-peraturan tersendiri, norma budaya dan harapan mereka tersendiri, yang tinggal di dalam atau berdekatan kawasan FMU, dan menerima kesan daripada operasi pengurusan hutan di FMU. |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| **Undang-undang tempatan** | Ianya termasuk semua norma perundangan yang diberikan oleh organisasi kerajaan di mana bidang kuasanya adalah kurang daripada kuasa peringkat kebangsaan, seperti norma-norma jabatan, perbandaran dan adat.<br>(Sumber: IUCN, 2016) |
| **Hutan asli** | Kawasan-kawasan hutan di mana kebanyakan ciri-ciri dan elemen-elemen utama ekosistem-ekosistem asal seperti kompleksiti, struktur, dan kewujudan kepelbagaian hayat. |
| **Hasil/produk hutan bukan kayu** | Sebarang hasil/produk atau perkhidmatan selain daripada kayu-kayan yang dihasilkan di hutan.<br>(Sumber: Diadaptasikan dari Pusat Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa (CIFOR), http://www.cifor.org/publications/corporate/factsheet/NTFP.htm) |
| **Pendekatan berwaspada** | Intipati kepada pendekatan berwaspada diberikan dalam Prinsip 15 Deklarasi Rio, yang menyatakan; "Di mana wujud ancaman serius atau kerosakan yang tidak dapat dipulihkan dan kurangnya bukti saintifik tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk menangguhkan langkah-langkah efektif untuk mencegah kemerosotan alam sekitar."<br>(Sumber: Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, 1992) |
| **Prinsip** | Peraturan atau elemen yang penting untuk pengawasan hutan. |
| **Jarang ditemui, dalam bahaya atau terancam (RTE)** | Spesies yang berisiko, sedang mengalami atau telah mengalami penurunan populasi yang teruk.<br>**Jarang ditemui** adalah bergantung kepada skala dan termasuk spesies yang:<br>• Semula jadinya jarang ditemui, hanya wujud pada kepadatan-kepadatan yang sangat rendah dalam habitat yang tidak terganggu, atau<br>• Jarang ditemui akibat aktiviti-aktiviti manusia, misalnya kemusnahan habitat, pemburuan berlebihan, perubahan iklim<br>• Terhad kepada taburan semula jadi di kawasan tersebut (walaupun spesies-spesies ini biasa wujud di tempat lain)<br>**Spesies dalam bahaya dan terancam** juga termasuk spesies yang diklasifikasikan oleh IUCN sebagai *Vulnerable* (VU), *Endangered* (EN) dan *Critically Endangered* (CR) di peringkat global atau serantau, atau perdagangannya dikawal selia di bawah perjanjian-perjanjian antarabangsa (contohnya CITES), serta spesies kebangsaan yang dilindungi.<br>(Sumber: Diadaptasikan dari *HCV Resource Network, Oct 2013. Common Guidance for the Identification of High Conservation Values*) |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| **Sistem Sogit** | Sogit adalah satu sistem Kadazandusun untuk pemberian ganti rugi atau hukuman, pemulihan atau pembalasan yang wujud di dalam sistem keadilan Adat. Sogit adalah satu bentuk kepercayaan/adat istiadat untuk pelbagai jenis penebusan dan pampasan dan huraian serta langkah-langkah yang perlu diambil bergantung kepada aspek adat yang telah dilampaui batas atau dilanggar. |
| **Pihak berkepentingan** | Individu-individu atau organisasi-organisasi yang mempunyai kepentingan yang sah terhadap barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh FMU; dan mereka yang mempunyai kepentingan terhadap kesan alam sekitar dan sosial akibat aktiviti-aktiviti, produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan oleh FMU. Mereka termasuklah individu-individu dan organisasi-organisasi yang melaksanakan kawalan alam sekitar ke atas FMU; masyarakat setempat; para pekerja; para pelabur dan penginsuran; para pembeli dan pengguna; kumpulan pencinta alam sekitar dan kumpulan pengguna serta orang awam. |
| **Sesaran** | Perubahan yang progresif dalam komposisi spesies dan struktur hutan yang disebabkan oleh proses-proses semula jadi dalam suatu tempoh masa.<br>(Sumber: ITTO, 2016) |
| **Sistem Tagal** | Sistem Tagal merangkumi susunan-susunan tertentu yang dikongsi dan dipersetujui secara komunal, peraturan dan protokol dalam pengurusan, pemuliharaan dan perkongsian faedah dari sumber-sumber tradisional seperti sungai, tanah dan sumber hutan termasuklah *Sogia'an* (hartanah-hartanah yang dimiliki bersama secara komunal). Sistem Tagal dikuatkuasakan di dua peringkat sistem keadilan Kadazandusun:<br>i. Sistem Keadilan Mahkamah Anak Negeri<br>ii. *Momolianistic Divine meted Justice System*<br>Antara sistem Tagal yang paling ketara yang diamalkan oleh Kadazandusun hari ini ialah Tagal Bawang (Sistem Tagal Sumber-Sumber Sungai), satu amalan komunal yang unik dalam pengurusan sumber sungai, pemuliharaan dan perkongsian faedahnya. |
| **Pegangan** | Persetujuan-persetujuan secara sosial yang dipegang oleh individu atau kumpulan, diiktiraf oleh perundangan atau amalan adat resam, berkaitan dengan pemilikan "himpunan hak dan kewajipan" ke atas pegangan, akses dan/atau penggunaan unit tanah tertentu atau sumber-sumber yang terkandung di dalamnya (seperti pokok-pokok, spesies tumbuhan, air, mineral-mineral dan sebagainya).<br>(Sumber: IUCN, 2016) |

| Istilah | Definisi |
|---|---|
| **Hak-hak penggunaan** | Hak-hak untuk menggunakan sumber-sumber hutan yang diperuntukkan mengikut adat tempatan, atau perjanjian bersama atau yang ditentukan oleh pihak lain yang mempunyai hak akses. Hak-hak ini boleh mengehadkan penggunaan sumber daya tertentu ke had-had pengusahasilan/penuaian tertentu atau teknik pengeluaran yang spesifik.<br>(Sumber: ITTO, 2016) |
| ***Verifier*** | Data atau maklumat yang mempertingkatkan pengkhususan atau mempermudahkan penilaian sesuatu petunjuk. *Verifier* memberikan maklumat terperinci yang boleh menunjukkan keadaan yang dikehendaki bagi sesuatu petunjuk. Ia boleh menambahkan maksud, kejituan serta tahap keteperician bagi sesuatu petunjuk. Ia boleh menentukan had-had zon andaian yang mana langkah pemulihan masih boleh dibuat dengan selamat (takat sasaran prestasi). Selain itu, ia juga boleh ditafsirkan sebagai prosedur-prosedur yang diperlukan untuk menentukan keadaan-keadaan yang ditetapkan dalam petunjuk yang berkaitan (kaedah pengesahan).<br>(Sumber: *The CIFOR Criteria and Indicators Generic Template. The Criteria & Indicators Toolbox Series 2, 1999*) |

**KEPERLUAN KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA UNTUK PENGURUSAN HUTAN MAMPAN (MC&I SFM)**

Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

## PRINSIP 1: PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Pengurusan hutan perlu mematuhi semua undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan menghormati perjanjian-perjanjian serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, dan mematuhi kesemua Prinsip dan Kriteria yang terkandung di dalam standard ini.

<table>
<tr><td>Kriteria 1.1</td><td colspan="3">Pengurusan hutan perlu mematuhi semua undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan serta keperluan-keperluan pentadbiran yang berkaitan.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 1.1.1</td><td colspan="3">Rekod-rekod dan ketersediaan yang terkini: undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan, peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan hutan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>Undang-undang Persekutuan<br>• Akta Orang Asli 1954 termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017<br>• Akta Biokeselamatan 2007<br>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>o Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja 1971<br>• Akta Kerja 1955<br>• Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974<br>o Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005<br>• Akta Kilang dan Jentera 1967</td><td>Sabah<br>Undang-undang Persekutuan<br>• Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009<br>• Akta Biokeselamatan 2007<br>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>o Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja 1971<br>• Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005<br>• Akta Kilang dan Jentera 1967<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999<br>• Akta Imigresen 1959/63<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967</td><td>Sarawak<br>Undang-undang Persekutuan<br>• Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009<br>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>o Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja 1971<br>• Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005<br>• Akta Kilang dan Jentera 1967<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999<br>• Akta Imigresen 1959/63<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • Perlembagaan Persekutuan<br>• Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999<br>• Akta Imigresen 1959/63<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008<br>• Akta Pemuliharaan Tanah 1960<br>• Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009<br>• Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011<br>• Akta Umur Persaraan Minimum 2012<br>• Akta Perhutanan Negara 1984<br>• Kanun Tanah Negara 1965<br>• Akta Perundingan Gaji Negara 2011<br>  o Perintah Gaji Minimum 2016<br>• Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>• Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>• Akta Kuarantin Tumbuhan 1976<br>• Akta Kesatuan Sekerja, 1959<br>• Akta Air 1920<br>• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010<br>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010<br>• Akta Pampasan Pekerja 1952<br><br>*Undang-undang Negeri*<br>• Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor, 1989<br>• Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak, 2001<br>• Enakmen Perbadanan Taman Negeri Selangor, 2005<br>• Enakmen-enakmen negeri berkaitan dengan perlindungan hidupan liar | • Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008<br>• Akta Umur Persaraan Minimum 2012<br>• Akta Perundingan Gaji Negara 2011<br>  o Perintah Gaji Minimum 2016<br>• Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>• Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>• Akta Kuarantin Tumbuhan 1976<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959<br>• Akta Pampasan Pekerja 1952<br>• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010<br><br>*Undang-undang Negeri*<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 | • Akta Umur Persaraan Minimum 2012<br>• Akta Perundingan Gaji Negara 2011<br>  o Perintah Gaji Minimum 2016<br>• Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>• Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>• Akta Kuarantin Tumbuhan 1976<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959<br>• Akta Pampasan Pekerja 1952<br>• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010<br><br>*Undang-undang Negeri*<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • Enakmen-enakmen Perhutanan Negeri<br>• Kaedah-kaedah Hutan Negeri<br>• Rancangan Struktur Negeri<br>• Enakmen Taman Negara (Kelantan) 1939<br>• Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939<br>• Enakmen Taman Negara (Terengganu) 1939<br>• Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 | o Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam) 2005<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>o Kaedah-kaedah Hutan, 1969<br>• Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri), 1952<br>• Ordinan Buruh Sabah (Bab 67)<br>• Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)<br>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992<br>o Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri, 1995<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah, 2000<br>• Enakmen Perikanan Darat & Akuakultur, 2003<br>• Enakmen Taman-taman, 1984<br>• Perlembagaan Negeri Sabah<br>• Enakmen Sumber Air Sabah 1998<br>• Enakmen Warisan Budaya (Pemeliharaan), 1997<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar, 1997<br>• Enakmen Warisan Negeri 2017 | o Peraturan Perhutanan Sarawak<br>o *The Forests (Planted Forests) Rules, 1997* ***(LH)***<br>o Peraturan Hutan (Pekerja Terlatih), 2015<br>o Peraturan Hutan (Nurseri), 2017 ***(LH)***<br>• Ordinan Interpretasi 2005 (Bab 61)<br>• Ordinan Buruh Sarawak, 1952 (Bab 76)<br>• Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)<br>• Ordinan Taman Negara dan Rizab Semula jadi, 1998 (Bab 27) dan peraturan-peraturannya.<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>o Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)<br>• Ordinan Sumber Asli Dan Alam Sekitar, 1993 – Bab 84, Undang-Undang Sarawak 1958<br>o Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994<br>o Peraturan (Audit) Sumber Asli dan Alam Sekitar, 2008<br>o Perintah Sistem Penilaian Bahaya Kebakaran (FDRS), 2004<br>• *Protection of Public Health Ordinance 1999*<br>• Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi, 1997 (Bab. 24)<br>o Undang-undang Kepelbagaian Biologi Sarawak, 2016<br>o Notifikasi (Fi) Kepelbagaian Biologi Sarawak, 2017<br>• Ordinan Warisan Budaya Sarawak. 1993 (Bab 6) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | *Dasar / Garis Panduan*<br>• Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975<br>• Manual Perhutanan 2003<br>• Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan<br>• Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan<br>• Dasar Perhutanan Negara, 1978 (Pindaan 1992)<br>• Rancangan Fizikal Negara-3, 2015<br>  ○ *Central Forest Spine Master Plan*<br>• Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025<br>• Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009<br>• Dasar Alam Sekitar Negara, 2002<br>• Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan, 2008-2020<br>• Dasar Sumber Air Negara, 2012 | *Dasar / Garis Panduan*<br>• Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975<br>• Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025<br>• Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009<br>• Dasar Alam Sekitar Negara, 2002<br>• Dasar Sumber Air Negara, 2012<br>• Dasar Perhutanan Sabah, 2018<br>• Pelan Tindakan Hidupan Liar | • Ordinan Perbadanan Perhutanan Sarawak, 1995 (Bab 17)<br>• Ordinan Sungai-Sungai Sarawak, 1993 (bab 4) dan peraturan-peraturannya.<br>• Perlembagaan Negeri Sarawak<br>• Ordinan Air, 1994 (bab 13) dan Peraturan-peraturannya.<br>• Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26)<br>  ○ *Wild Life Protection Rules, 1998*<br><br>*Dasar / Garis Panduan*<br>• *A Master Plan for Wildlife in Sarawak, 1996*<br>• Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>• Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025<br>• Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009<br>• Dasar Alam Sekitar Negara, 2002<br>• Dasar Sumber Air Negara, 2012<br>• *Orangutan Strategic Action Plan: Trans-boundary Biodiversity Conservation Area*<br>• *Policy on Forest Management Certification in Sarawak*<br>• Kenyataan Dasar Perhutanan, 2019 |
| **Petunjuk 1.1.2** | Pengurus hutan sedia maklum / berpengetahuan mengenai undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan, serta keperluan-keperluan pentadbiran bagi pengurusan hutan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Hasil temu bual bersama pengurus hutan termasuk pemerhatian di lapangan | | |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 1.1.3** | Rekod-rekod pelanggaran undang-undang dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasinya. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod kesalahan-kesalahan hutan dan tindakan-tindakan yang telah diambil |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 1.2** | Semua fi, royalti, cukai dan caj-caj lain yang berkaitan yang ditetapkan oleh undang-undang perlu dibayar. |
| **Petunjuk 1.2.1** | Ketersediaan senarai terkini semua fi, royalti, cukai dan caj-caj lain yang ditetapkan oleh undang-undang. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Senarai semua fi, royalti, cukai dan caj-caj lain yang ditetapkan oleh undang-undang |
| **Petunjuk 1.2.2** | Semua rekod pembayaran yang dibuat adalah disimpan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod pembayaran yang dibuat |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 1.3** | Peruntukan-peruntukan berkaitan pengurusan hutan yang terkandung dalam perjanjian antarabangsa yang telah dipersetujui secara sah hendaklah dihormati. |
| **Petunjuk 1.3.1** | Pengurus hutan sedia maklum tentang semua perjanjian antarabangsa yang telah dipersetujui secara sah berkaitan dengan pengurusan hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod dan hasil temu bual bersama pengurus hutan mengenai kesedaran mereka terhadap perjanjian antarabangsa yang telah dipersetujui secara sah yang berkaitan dengan hutan<br>• Sekiranya berkaitan, peruntukan-peruntukan berkenaan pengurusan hutan seperti di dalam perjanjian-perjanjian antarabangsa berikut adalah dihormati dalam pengurusan hutan:<br>o Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan, 2002<br>o Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Alam Semula Jadi Dunia, 1972<br>o Konvensyen Antarabangsa berkenaan dengan Perdagangan Spesies Flora dan Fauna yang Terancam, 1973<br>o Konvensyen Tanah Lembap yang mempunyai Kepentingan Antarabangsa Khususnya sebagai Habitat Burung Air, 1971<br>o *International Labour Organisation (ILO) Conventions*<br>- *Convention No. 29 – Forced Labour Convention, 1930*<br>- *Convention No. 87 – Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention, 1948*<br>- *Convention No. 98 – Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949*<br>- *Convention No. 100 – Equal Remuneration Convention, 1951*<br>- *Convention No. 105 – Abolition of Forced Labour Convention, 1957*<br>- *Convention No. 111 – Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958*<br>- *Convention No. 131 – Minimum Wage Fixing Convention, 1970*<br>- *Convention No. 138 – Minimum Age Convention, 1973*<br>- *Convention No. 169 – Indigenous and Tribal Peoples Convention, 1989*<br>- *Convention No. 182 – Worst Forms of Child Labour Convention, 1999*<br>o Perjanjian Kayu-Kayan Tropika Antarabangsa, 1994<br>o Konvensyen Stockholm Tentang Pencemar Organik, 2001 |

<table>
<tr><td></td><td>o Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, 1948<br>o Konvensyen Kepelbagaian Biologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1992<br>- Protokol Cartagena berkenaan dengan Bio-Keselamatan ke atas Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 2000<br>- Nagoya Protocol on Access to Genetic Resources and the Fair and Equitable Sharing of Benefits Arising from their Utilisation (ABS) to the Convention on Biological Diversity, 2010<br>o Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Asal, 2007<br>o Rangka Kerja Konvensyen Perubahan Cuaca Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1992<br>o Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Kriteria 1.4</td><td>Konflik-konflik antara undang-undang dan peraturan-peraturan dengan Prinsip dan Kriteria ini perlu dinilai untuk tujuan pensijilan, berdasarkan kes demi kes, oleh penilai-penilai pensijilan dan pihak yang terlibat atau pihak yang terjejas.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 1.4.1</td><td>Ketersediaan dokumentasi mengenai sebarang konflik antara undang-undang, peraturan-peraturan dengan Prinsip dan Kriteria ini.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Rekod-rekod penilaian ke atas konflik antara undang-undang, peraturan-peraturan dengan Prinsip dan Kriteria ini</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 1.4.2</td><td>Pengurus hutan bersedia untuk mengambil bahagian dalam proses untuk menyelesaikan sebarang konflik yang mungkin timbul dengan pihak-pihak yang terjejas.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Rekod-rekod (minit mesyuarat, diari kerja lapangan dan sebagainya) penglibatan pengurus hutan dalam menyelesaikan konflik yang berkaitan</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Kriteria 1.5</td><td colspan="3">Unit Pengurusan Hutan (FMU) hendaklah dilindungi daripada pengusahasilan/penuaian hutan secara haram, penempatan dan aktiviti-aktiviti lain yang tidak dibenarkan.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 1.5.1</td><td colspan="3">Ketersediaan peruntukan undang-undang untuk penubuhan dan perlindungan FMU.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Verifier</td><td colspan="3">Pematuhan terhadap perkara-perkara berikut melalui rekod-rekod pemantauan:</td></tr>
<tr><td>Semenanjung<br>• Akta Orang Asli 1954<br>• Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974<br>o Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015<br>• Akta Perhutanan Negara 1984<br>• Dasar Perhutanan Negara, 1978 (Pindaan 1992)<br>• Kanun Tanah Negara 1965</td><td>Sabah<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar, 2002<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>o Kaedah-kaedah Hutan, 1969<br>• Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri), 1952</td><td>Sarawak<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>o Peraturan Perhutanan Sarawak<br>o The Forests (Planted Forests) Rules, 1997 (LH)</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • Enakmen-enakmen Perhutanan Negeri<br>• Kaedah-kaedah Hutan Negeri<br>• Enakmen-enakmen negeri berkaitan dengan perlindungan hidupan liar<br>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 | • Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)<br>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang *(Long Term Timber Licence Agreement, LTTLA)*<br>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah 2000<br>• Enakmen Taman-taman 1984<br>• Enakmen Warisan Budaya (Pemeliharaan), 1997<br>• *Sabah Forest Policy, 2018*<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan *(Sustainable Forest Management Licence Agreement, SFMLA)*<br>• Enakmen Sumber Air Sabah, 1998<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar,1997 | • Ordinan Interpretasi 2005 (Bab 61)<br>• Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>  ○ Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)<br>• Ordinan Taman Negara dan Rizab Semula jadi, 1998 (Bab 27)<br>• Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994<br>• Kenyataan Dasar Perhutanan, 1954<br>• Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26)<br>  ○ *Wild Life Protection Rules, 1998* |
| **Petunjuk 1.5.2** | FMU hendaklah dilindungi daripada pencerobohan, pengusahasilan/penuaian hutan secara haram, pemburuan dan penempatan serta aktiviti-aktiviti lain yang tidak dibenarkan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Bukti langkah-langkah kawalan (papan tanda, penandaan sempadan, peta kawasan, imej perangkap kamera, imej satelit, dll.)<br>• Rekod-rekod tindakan yang diambil (rondaan pintar, tindak balas terhadap amaran, perangkap kamera) serta salinan laporan kepada pihak berkuasa berkaitan | **Sabah**<br>• Bukti langkah-langkah kawalan (papan tanda, penandaan sempadan, peta kawasan, imej satelit, dll.)<br>• Rekod-rekod tindakan yang diambil serta salinan laporan kepada pihak berkuasa berkaitan | **Sarawak**<br>• Bukti langkah-langkah kawalan (papan tanda, penandaan sempadan, peta kawasan, imej satelit, dll.)<br>• Rekod-rekod tindakan yang diambil serta salinan laporan kepada pihak berkuasa berkaitan |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 1.6** | Pengurus hutan perlu menunjukkan komitmen jangka panjang dalam menepati keperluan standard ini dan juga keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan sistem pensijilan. |
| **Petunjuk 1.6.1** | Ketersediaan dasar-dasar atau kenyataan-kenyataan komitmen ke atas amalan-amalan pengurusan hutan yang konsisten dengan Prinsip dan Kriteria. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Dasar-dasar atau kenyataan-kenyataan bertulis mengenai komitmen tersebut |
| **Petunjuk 1.6.2** | Dasar-dasar atau kenyataan-kenyataan hendaklah dihebahkan kepada organisasi dan kontraktor-kontraktor, serta tersedia untuk makluman orang awam. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Kenyataan dasar adalah tersedia untuk makluman orang awam/pihak-pihak berkepentingan<br>• Rekod-rekod taklimat kepada kakitangan dan kontraktor-kontraktor<br>• Kenyataan-kenyataan yang berkaitan dalam kontrak-kontrak perjanjian |

**PRINSIP 2: HAK PEGANGAN DAN PENGGUNAAN SERTA TANGGUNGJAWAB**

Tempoh pegangan jangka panjang dan hak-hak penggunaan ke atas tanah dan sumber-sumber hutan hendaklah didefinisikan dengan jelas, didokumentasikan dan diwujudkan secara sah mengikut undang-undang.

<table>
<tr><td>Kriteria 2.1</td><td colspan="3">Bukti jelas mengenai hak-hak penggunaan hutan jangka panjang ke atas tanah (contohnya hak milik tanah, hak-hak adat, atau perjanjian-perjanjian pajakan) hendaklah ditunjukkan.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 2.1.1</td><td colspan="3">Ketersediaan dokumentasi di FMU mengenai status perundangan dan hak-hak penggunaan tanah atau sumber hutan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Perjanjian Konsesi dan/atau pajakan.<br>• Keputusan Mahkamah Sivil<br>• Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal<br>• Lesen mengambil hasil hutan<br>• Hak milik tanah<br>• Kanun Tanah Negara 1965<br>• Rekod/peta rizab/kawasan Orang Asli<br>• Rekod dan peta kawasan tanah adat dan penempatan Orang Asli<br>• Rekod pengasingan dan hak penggunaan<br>• Rekod pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK)<br>• Permit jalan hutan<br>• Enakmen Perhutanan Negeri<br>• Permit penggunaan</td><td>Sabah<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>• Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri), 1952<br>• Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)<br>• Hak milik tanah<br>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang (LTTLA)<br>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992<br>• Permit Pekerjaan<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (SFMLA)</td><td>Sarawak<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Forest Timber Licence<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>  o The Forests (Planted Forests) Rules, 1997 (LH)<br>• Licence for Planted Forests (LH)<br>• Ordinan Interpretasi 2005 (Bab 61)<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>  o Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)<br>• Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 2.1.2</td><td colspan="3">Pengurus hutan perlu menyokong mekanisma yang diakui sah mengikut undang-undang bagi menyelesaikan tuntutan tanah.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td colspan="3">Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Rekod-rekod penyertaan dalam menyelesaikan tuntutan tanah di dalam FMU</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 2.2** | Komuniti-komuniti tempatan dengan hak perundangan atau hak adat atau hak penggunaan perlu mengekalkan kawalan, ke tahap yang diperlukan untuk melindungi hak-hak mereka atau sumber-sumber, yang merangkumi operasi-operasi perhutanan kecuali mereka memberi persetujuan dengan makluman awal, bebas dan telus kepada agensi-agensi atau pihak-pihak lain. | | |
| **Petunjuk 2.2.1** | Ketersediaan dokumentasi di FMU berkenaan perundangan atau hak adat atau hak penggunaan ke atas masyarakat tempatan mengikut undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Akta Orang Asli 1954 termasuk keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Persetujuan kontrak melalui makluman awal, bebas dan telus dengan masyarakat tempatan yang mempunyai hak pegangan atau penggunaan ke atas tanah mengikut undang-undang atau adat<br>• Akta Perhutanan Negara 1984<br>• Kanun Tanah Negara, 1965<br>• Enakmen Perhutanan Negeri<br>• Kaedah-kaedah Hutan Negeri<br>• Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak-Hak Orang Asal, 2007<br>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 | **Sabah**<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Persetujuan kontrak melalui makluman awal, bebas dan telus dengan masyarakat tempatan yang mempunyai hak pegangan atau penggunaan ke atas tanah mengikut undang-undang atau adat<br>• Hak Adat Anak Negeri yang ditubuhkan<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>  ○ Kaedah-kaedah Hutan, 1969<br>• Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)<br>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang (LTTLA)<br>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992<br>  ○ Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri, 1995<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (SFMLA)<br>• Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak-Hak Orang Asal, 2007 | **Sarawak**<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Persetujuan kontrak melalui makluman awal, bebas dan telus dengan masyarakat tempatan yang mempunyai hak pegangan atau penggunaan ke atas tanah mengikut undang-undang atau adat<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• *Forest Timber Licence*<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>  ○ *The Forests (Planted Forests) Rules, 1997* ***(LH)***<br>• Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>  ○ Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)<br>• *Notification in Sarawak Government Gazette* |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 2.2.2** | Bagi aktiviti-aktiviti yang mungkin menjejaskan hak-hak tersebut, pengurus hutan perlu mengiktiraf, menghormati dan bekerjasama dengan pemegang-pemegang hak mengikut perundangan atau hak adat atau hak penggunaan di dalam undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Peta-peta yang menunjukkan kawasan penempatan masyarakat tempatan / Orang Asal di dalam dan berdekatan FMU<br>• Rekod-rekod konsultasi yang telah diadakan bersama masyarakat tempatan/Orang Asal untuk mengenal pasti dan mendokumentasi kawasan-kawasan yang digunakan secara tradisional serta kawasan yang mempunyai kepentingan yang ketara kepada mereka (contoh: kebudayaan, keagamaan, tapak pengebumian, punca pengambilan air)<br>• Rekod-rekod tindakan yang diambil untuk melindungi tapak-tapak yang telah dikenal pasti mempunyai kepentingan yang ketara<br>• Rekod-rekod kerjasama, termasuk penyertaan dalam penyelesaian tuntutan-tuntutan penggunaan tanah |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 2.3** | Mekanisma yang bersesuaian hendaklah digunakan untuk menyelesaikan pertikaian ke atas tuntutan-tuntutan hak pegangan dan hak penggunaan. Keadaan-keadaan dan status berkaitan sebarang pertikaian yang belum diselesaikan akan dipertimbangkan secara eksplisit dalam penilaian untuk pensijilan. Pertikaian bermagnitud tinggi melibatkan sejumlah besar kepentingan mestilah tertakluk kepada pertimbangan objektif dan tidak berat sebelah, berdasarkan bukti yang kukuh, dalam menentukan sama ada pertikaian tersebut boleh membatalkan kelayakan sesuatu operasi untuk disijilkan. |
| **Petunjuk 2.3.1** | Ketersediaan mekanisma yang sesuai untuk menyelesaikan pertikaian tuntutan hak pegangan dan hak penggunaan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Mekanisma untuk menyelesaikan pertikaian boleh diakses oleh pihak awam<br>• Rekod-rekod keputusan rundingan terus, timbang tara atau perantaraan<br>• Rekod-rekod keputusan Mahkamah Sivil / Mahkamah Anak Negeri / Mahkamah Bumiputera Sarawak<br>• Rekod-rekod pertikaian tuntutan hak pegangan dan hak penggunaan adalah dikekalkan |

**PRINSIP 3: HAK-HAK ORANG ASAL**

Hak-hak menurut undang-undang dan adat Orang Asal untuk memiliki, mengguna dan mengurus tanah, wilayah dan sumber mereka hendaklah diiktiraf dan dihormati.

<table>
<tr><td>Kriteria 3.1</td><td colspan="3">Orang Asal hendaklah mengawal pengurusan hutan di atas tanah-tanah dan wilayah-wilayah mereka melainkan mereka mewakilkan pengawalan dengan berasaskan makluman awal, bebas dan telus kepada mana-mana agensi dan/atau pihak.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 3.1.1</td><td colspan="3">Ketersediaan dokumentasi mengenai hak-hak adat Orang Asal ke atas tanah mengikut undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Verifier</td><td colspan="3">Sekiranya berkaitan, peruntukan-peruntukan berkaitan pengurusan hutan dalam perjanjian-perjanjian antarabangsa yang dinyatakan di bawah Petunjuk 1.3.1 adalah dihormati di dalam pengurusan hutan.</td></tr>
<tr><td>Semenanjung<ul><li>Keputusan Mahkamah Sivil berkaitan perundangan atau hak pegangan atau hak penggunaan.</li><li>Peta kawasan Rizab Orang Asli</li><li>Rekod kawasan Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954</li><li>Rekod rundingan dengan Orang Asli</li><li>Rekod/Peta kawasan Orang Asli dan kawasan penempatan Orang Asli di dalam HSK</li><li>Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak-Hak Orang Asal, 2007</li></ul></td><td>Sabah<ul><li>Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan</li><li>Hak Adat Anak Negeri yang ditubuhkan</li><li>Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)</li><li>Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992<ul><li>Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995</li></ul></li><li>Rekod konsultasi dengan Orang Asal</li><li>Enakmen Warisan Budaya (Pemeliharaan), 1997</li><li>Sistem Tagal dan Sogit</li><li>Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak-Hak Orang Asal, 2007</li></ul></td><td>Sarawak<ul><li>Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan</li><li>Forest Timber Licence</li><li>Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)</li><li>Ordinan Interpretasi 2005 (Bab 61)</li><li>Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)</li><li>Permanent forest gazette notification</li><li>Rekod konsultasi dengan Orang Asal</li><li>Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi 1997 (Bab 24) dan peraturan-peraturannya.</li><li>Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Hak-Hak Orang Asal, 2007</li><li>Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<ul><li>Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993</li></ul></li><li>Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)</li></ul></td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 3.1.2** | Pengurusan dan penggunaan tanah serta sumber berkenaan adalah dikawal oleh Orang Asal melainkan mereka mewakilkan kawalan dengan berasaskan makluman awal, bebas dan telus kepada mana-mana agensi dan/atau pihak. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod konsultasi dengan wakil-wakil Orang Asal<br>• Rekod-rekod perwakilan kawalan dengan persetujuan berasaskan makluman awal, telus dan bebas oleh Orang Asal |
| **Petunjuk 3.1.3** | Ketersediaan dan penggunaan mekanisma yang sesuai untuk menyelesaikan sebarang pertikaian atau rungutan antara pihak-pihak yang terlibat. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Mekanisma untuk menyelesaikan pertikaian boleh diakses oleh pihak awam<br>• Rekod-rekod pertikaian dan rungutan antara pihak-pihak yang terlibat berkenaan hak perundangan dan adat mereka di dalam kawasan FMU<br>• Rekod-rekod keputusan rundingan terus atau timbang tara berkenaan hak perundangan dan adat mereka di dalam kawasan FMU<br>• Rekod-rekod keputusan Mahkamah Sivil / Mahkamah Anak Negeri / Mahkamah Bumiputera Sarawak berkenaan hak perundangan dan hak adat mereka di dalam kawasan FMU |

<table>
<tr><td>Kriteria 3.2</td><td colspan="3">Pengurusan hutan hendaklah tidak menggugat atau mengurangkan, secara langsung atau tidak langsung, sumber-sumber atau hak-hak pegangan Orang Asli.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 3.2.1</td><td colspan="3">Amalan-amalan pengurusan hutan di atas tanah Orang Asal yang diiktiraf dalam perundangan persekutuan, negeri dan tempatan berkaitan hendaklah tidak menggugat atau mengurangkan, secara langsung atau tidak langsung, sumber atau hak pegangan mereka.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Senarai spesies/sumber yang digunakan oleh masyarakat setempat / Orang Asal di dalam kawasan FMU seperti yang dikenal pasti melalui laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA), Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Kawasan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVA)<br>• Langkah-langkah pencegahan dan mitigasi dimasukkan dalam rancangan pengurusan hutan<br>• Pengiktirafan sumber atau hak pegangan Orang Asli seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Asli 1954</td><td>Sabah<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)<br>• Senarai spesies/sumber yang digunakan oleh masyarakat setempat/Orang Asal di dalam kawasan FMU seperti yang dikenal pasti melalui proses Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA), Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Kawasan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVA)</td><td>Sarawak<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Senarai spesies/sumber yang digunakan oleh masyarakat setempat/Orang Asal di dalam kawasan FMU seperti yang dikenal pasti melalui proses Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA), Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Kawasan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVA)</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • Langkah-langkah pencegahan dan mitigasi dimasukkan ke dalam rancangan pengurusan hutan<br>• Sistem Tagal dan Sogit | • Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>  o Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)<br>• Langkah-langkah pencegahan dan mitigasi dimasukkan ke dalam rancangan pengurusan hutan<br>• Pengiktirafan hak pemegangan dan hak berasaskan sumber di bawah undang-undang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 3.3** | Tapak-tapak istimewa yang mempunyai kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan kepada Orang Asal hendaklah dikenalpasti dengan jelas dengan kerjasama Orang Asal berkenaan dan diiktiraf oleh pengurusan hutan dan perlu memastikan bahawa operasi–operasi hutan tidak menceroboh tapak yang dimaksudkan. | | |
| **Petunjuk 3.3.1** | Ketersediaan prosedur-prosedur yang bersesuaian dalam proses pentadbiran sedia ada untuk mengenal pasti dan melindungi tapak-tapak berkenaan serta peruntukan-peruntukan hak-hak akses ke tapak-tapak tersebut oleh Orang Asal berdasarkan undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan atau dengan persetujuan bersama. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Senarai dan peta lokasi penting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama di dalam FMU<br>• Prosedur untuk mengenal pasti, melindungi dan menanda lokasi penting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama kepada Orang Asli serta peruntukan untuk mereka akses ke lokasi tersebut<br>• Rekod dialog dan konsultasi dengan Orang Asli dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan | **Sabah**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Enakmen Warisan Budaya (Pemeliharaan), 1997<br>• Senarai dan peta lokasi penting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama di dalam FMU<br>• Prosedur untuk mengenal pasti, melindungi dan menanda lokasipenting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama Orang Asal serta peruntukan yang sesuai untuk mereka memasuki lokasi tersebut<br>• Rekod-rekod dialog dan konsultasi dengan Majlis Ketua-ketua Anak Negeri, Anak Negeri dan pihak- | **Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>• Senarai dan peta lokasi penting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama di dalam FMU<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>  o Guideline 4 – Procedures to Identify Production, Protection and Community Use Areas based on Forest Zoning<br>• *Permanent forest gazette notification*<br>• Rekod dialog dan konsultasi dengan Orang Asal dan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pihak berkepentingan lain yang relevan | pihak-pihak berkepentingan lain yang relevan |
| **Petunjuk 3.3.2** | Ketersediaan mekanisma yang sesuai untuk menyelesaikan konflik. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Keputusan-keputusan Mahkamah Anak Negeri / Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Mahkamah Sivil<br>• Mekanisma untuk menyelesaikan pertikaian boleh diakses oleh pihak awam<br>• Rekod-rekod timbang tara<br>• Rekod-rekod dialog dan konsultasi dengan Orang Asal dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 3.4** | Orang Asal hendaklah diperakui dan diberi pampasan untuk penggunaan pengetahuan tradisi mereka berhubung penggunaan spesies hutan atau sistem pengurusan dalam operasi hutan. Pampasan ini hendaklah dipersetujui secara rasmi dengan persetujuan berasaskan makluman awal, bebas dan telus sebelum operasi-operasi hutan bermula. | | |
| **Petunjuk 3.4.1** | Ketersediaan dokumentasi, jika ada, berhubung pengetahuan berkaitan hutan dan amalan-amalan tradisi Orang Asal di dalam penggunaan spesies hutan atau sistem pengurusan dalam operasi hutan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod konsultasi dengan Orang Asal<br>• Rekod-rekod mengenai penggunaan pengetahuan berkaitan hutan dan amalan tradisi Orang Asal yang digunakan di dalam operasi-operasi pengurusan hutan | | |
| **Petunjuk 3.4.2** | Ketersediaan mekanisma pemberian pampasan yang adil dan saksama untuk penggunaan pengetahuan berkaitan hutan dan amalan-amalan tradisi Orang Asal secara komersial mengikut perundangan sedia ada atau secara persetujuan bersama sekiranya tiada perundangan berkaitan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Penubuhan mekanisma dan rekod pemberian pampasan yang adil dan saksama untuk penggunaan komersial pengetahuan berkaitan hutan dan amalan tradisi Orang Asli.<br>• Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 | **Sabah**<br>• Penubuhan mekanisma dan rekod pemberian pampasan yang adil dan saksama untuk penggunaan komersial pengetahuan dan amalan tradisi Orang Asal mengenai hutan<br>• Rekod konsultasi dengan pemegang amanah Orang Asal mengenai sistem Adat dan Sogit<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 | **Sarawak**<br>• Penubuhan mekanisma dan rekod pemberian pampasan yang adil dan saksama untuk penggunaan komersial pengetahuan dan amalan tradisi Orang Asal mengenai hutan<br>• Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi 1997 (Bab 24) dan peraturan-peraturannya |

**PRINSIP 4: HUBUNGAN MASYARAKAT DAN HAK-HAK PEKERJA**

Operasi-operasi pengurusan hutan hendaklah memelihara atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi jangka panjang masyarakat setempat dan pekerja-pekerja hutan serta komited terhadap pemberian peluang sama rata, tiada diskriminasi dan bebas daripada gangguan di tempat kerja. Kesaksamaan jantina hendaklah digalakkan.

<table>
<tr><td>Kriteria 4.1</td><td colspan="3">Masyarakat yang tinggal di dalam atau berdekatan dengan FMU hendaklah diberi keutamaan dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan, latihan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 4.1.1</td><td colspan="3">Pengurus hutan memberikan sokongan yang sesuai untuk latihan, latihan semula, infrastruktur setempat, kemudahan-kemudahan dan program-program sosioekonomi yang sepadan dengan skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td colspan="3">Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod konsultasi dengan pekerja-pekerja dan masyarakat setempat<br>• Rekod-rekod infrastruktur setempat, kemudahan-kemudahan dan program-program sosioekonomi yang sesuai dengan skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod latihan dan latihan semula untuk pekerja</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 4.1.2</td><td colspan="3">Masyarakat yang tinggal di dalam, atau berdekatan dengan FMU adalah diberi keutamaan untuk pekerjaan dan kerja-kerja kontrak.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td colspan="3">Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Rekod-rekod kontrak<br>• Rekod-rekod pekerjaan<br>• Rekod-rekod usaha pengambilan pekerja daripada masyarakat tempatan tanpa diskriminasi jantina<br>• Rekod-rekod latihan</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 4.1.3</td><td colspan="3">Pengurus hutan tidak boleh menggaji atau terlibat dalam penggajian pekerja asing tanpa izin, buruh kanak-kanak dan buruh paksa.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Rekod-rekod pekerjaan<br>• ILO Convention No. 105 – Abolition of Forced Labour Convention, 1957<br>• ILO Convention No. 182 – Worst Forms of Child Labour Convention, 1999<br>• Akta Imigresen 1959/63</td><td>Sabah<br>• Sijil identiti<br>• Rekod-rekod pekerjaan<br>• ILO Convention No. 105 – Abolition of Forced Labour Convention, 1957<br>• ILO Convention No. 182 – Worst Forms of Child Labour Convention, 1999<br>• Akta Imigresen 1959/63<br>• Ordinan Buruh Sabah (Bab 67)</td><td>Sarawak<br>• Rekod-rekod pekerjaan<br>• ILO Convention No. 105 – Abolition of Forced Labour Convention, 1957<br>• ILO Convention No. 182 – Worst Forms of Child Labour Convention, 1999<br>• Akta Imigresen 1959/63<br>• Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76)</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **Kriteria 4.2** | Pengurusan hutan hendaklah menepati atau melebihi ketetapan kesemua undang-undang dan/atau peraturan-peraturan berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan para pekerja. |
| **Petunjuk 4.2.1** | Maklumat terkini kesemua undang-undang dan/atau peraturan-peraturan bersesuaian yang merangkumi keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja hutan hendaklah disampaikan kepada mereka dalam Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris. |

| | Semenanjung | Sabah | Sarawak |
|---|---|---|---|
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rekod-rekod penyebaran dan komunikasi maklumat terkini keselamatan dan kesihatan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah:<br>o Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>o Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>- Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja, 1971<br>o Akta Kilang dan Jentera 1967<br>o Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>- Rekod penyiasatan kemalangan di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004<br>o Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>o Akta Pampasan Pekerja 1952<br>• Garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam operasi pembalakan | **Sabah**<br>• Rekod-rekod penyebaran dan komunikasi maklumat terkini keselamatan dan kesihatan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah:<br>o Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>o Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>- Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja, 1971<br>o Akta Kilang dan Jentera 1967<br>o Ordinan Buruh Sabah (Bab 67)<br>o Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>- Rekod penyiasatan kemalangan di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004<br>o Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>o Akta Pampasan Pekerja 1952<br>• *Director's Circular FD 07/2013 – Use of Weedicides and Pesticides*<br>• Garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam operasi pembalakan | **Sarawak**<br>• Rekod-rekod penyebaran dan komunikasi maklumat terkini keselamatan dan kesihatan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah:<br>o Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>o Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>- Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja, 1971<br>o Akta Kilang dan Jentera 1967<br>o Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>- *The Forests (Trained Workmen) Rules, 2015*<br>o Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76)<br>o Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>- Rekod penyiasatan kemalangan di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004<br>o Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>o Akta Pampasan Pekerja 1952<br>• Garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam operasi pembalakan |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 4.2.2** | Ketersediaan dasar pengurusan yang menangani keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja-pekerja hutan termasuk risiko-risiko berkaitan dengan pekerjaan selaras dengan undang-undang dan/atau peraturan-peraturan semasa. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Pelantikan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>• Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan<br>• Kenyataan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaaan |
| **Petunjuk 4.2.3** | Ketersediaan peralatan keselamatan dan operasi yang bersesuaian, termasuklah prosedur-prosedur operasi, berada dalam keadaan baik dan hendaklah disediakan kepada pekerja-pekerja hutan di tempat kerja. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan<br>• Ketersediaan prosedur-prosedur operasi dan pekerja-pekerja hutan harus tahu tentang prosedur-prosedur di tempat kerja ini<br>• Rekod-rekod peralatan dan penyelenggaraan |
| **Petunjuk 4.2.4** | Pengurus hutan hendaklah mengemaskini rekod-rekod keselamatan mengikut kesemua undang-undang dan/atau peraturan-peraturan bersesuaian yang meliputi keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan<br>• Rekod-rekod keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja hutan |
| **Petunjuk 4.2.5** | Penandaan kawasan-kawasan berbahaya dan penyediaan garis panduan untuk penyimpanan dan pengendalian bahan-bahan berbahaya. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Garis panduan penyimpanan dan pengendalian bahan berbahaya selaras dengan keperluan-keperluan berikut:<br>o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005<br>o Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000<br>o Akta Racun Makhluk Perosak 1974<br>• Kawasan-kawasan berbahaya hendaklah ditanda dengan jelas dengan papan tanda yang betul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 4.3** | Hak-hak pekerja untuk menganjur dan mengadakan rundingan secara sukarela dengan pihak majikan mereka hendaklah dijamin seperti yang digariskan di bawah *Convention No. 87 and No. 98 of the International Labour Organisation (ILO).* | | |
| **Petunjuk 4.3.1** | Tidak akan ada sekatan bagi pekerja untuk menubuhkan kesatuan pilihan mereka secara bebas selaras dengan *ILO Convention No. 87.* | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Akta Kerja 1955<br>• Perlembagaan Persekutuan | **Sabah**<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• *ILO Convention No. 87 – Freedom of Association and* | **Sarawak**<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• *ILO Convention No. 87 – Freedom of Association and* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • *ILO Convention No. 87 – Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention, 1948*<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959 | *Protection of the Right to Organise Convention, 1948*<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Ordinan Buruh Sabah (Bab 67)<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959 | *Protection of the Right to Organise Convention, 1948*<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76)<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959 |
| **Petunjuk 4.3.2** | Tidak akan ada sekatan bagi pekerja untuk menganjurkan dan melaksanakan perundingan bersama dan tiada diskriminasi di tempat kerja selaras dengan Konvensyen ILO yang berkaitan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Perjanjian Bersama<br>• Akta Kerja 1955<br>• *ILO Convention No. 98 – Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949 [taking cognisance of ILO Convention No. 100 (Convention Concerning Equal Remuneration for Men and Women Workers of Equal Value and ILO Convention No. 111 (Convention Concerning Discrimination in Respect of Employment and Occupation)]*<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959 | **Sabah**<br>• Perjanjian Bersama<br>• *ILO Convention No. 98 – The Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949 [taking cognisance of ILO Convention No. 100 (Convention Concerning Equal Remuneration for Men and Women Workers of Equal Value and ILO Convention No. 111 (Convention Concerning Discrimination in Respect of Employment and Occupation)]*<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Ordinan Buruh Sabah (Bab 67)<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959 | **Sarawak**<br>• Perjanjian Bersama<br>• *ILO Convention No. 98 – The Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949 [taking cognisance of ILO Convention No. 100 (Convention Concerning Equal Remuneration for Men and Women Workers of Equal Value and ILO Convention No. 111 (Convention Concerning Discrimination in Respect of Employment and Occupation)]*<br>• Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76)<br>• Akta Kesatuan Sekerja 1959 |
| **Petunjuk 4.3.3** | Hak pekerja untuk memperoleh faedah-faedah pekerjaan dan perlindungan sosial dijamin di bawah undang-undang dan/atau peraturan-peraturan bersesuaian. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>  ○ Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja, 1971<br>• Akta Kerja 1955<br>• Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009<br>• Akta Umur Persaraan Minimum 2012 | **Sabah**<br>• Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009<br>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>  ○ Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja, 1971<br>• Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) | **Sarawak**<br>• Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009<br>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991<br>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969<br>  ○ Peraturan-peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja, 1971<br>• Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • Akta Perundingan Gaji Negara 2011<br>  ○ Perintah Gaji Minimum 2018<br>• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 | • Akta Umur Persaraan Minimum 2012<br>• Akta Perundingan Gaji Negara 2011<br>  ○ Perintah Gaji Minimum 2018<br>• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 | • Akta Umur Persaraan Minimum 2012<br>• Akta Perundingan Gaji Negara 2011<br>  ○ Perintah Gaji Minimum 2018<br>• Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 |
| **Petunjuk 4.3.4** | Ketersediaan prosedur-prosedur bersesuaian untuk menangani rungutan dan menyelesaikan konflik yang dibangkitkan oleh pekerja-pekerja hutan dan/atau organisasi mereka. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Perjanjian kolektif yang bersesuaian, jika ada<br>• Prosedur-prosedur untuk menangani rungutan dan untuk menyelesaikan konflik sesuai dengan keperluan-keperluan berikut:<br>  ○ Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975<br>  ○ Akta Kerja 1955<br>  ○ Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Rekod-rekod forum (contoh: Minit-minit Mesyuarat bersama majikan-pekerja) bagi penglibatan dalam menyelesaikan rungutan-rungutan | **Sabah**<br>• Perjanjian kolektif yang bersesuaian, jika ada<br>• Prosedur-prosedur untuk menangani rungutan dan untuk menyelesaikan konflik sesuai dengan keperluan-keperluan berikut:<br>  ○ Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975<br>  ○ Ordinan Buruh Sabah (Bab 67)<br>  ○ Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Rekod-rekod forum (contoh: Minit-minit Mesyuarat bersama majikan-pekerja) untuk penyertaan dalam menyelesaikan rungutan | **Sarawak**<br>• Perjanjian kolektif yang bersesuaian, jika ada<br>• Prosedur-prosedur untuk menangani rungutan dan untuk menyelesaikan konflik sesuai dengan keperluan-keperluan berikut:<br>  ○ Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975<br>  ○ Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76)<br>  ○ Akta Perhubungan Perusahaan 1967<br>• Rekod-rekod forum (contoh: Minit-minit Mesyuarat bersama majikan-pekerja) untuk penyertaan dalam menyelesaikan rungutan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 4.4** | Perancangan pengurusan dan operasi-operasi hendaklah memasukkan keputusan penilaian impak sosial. Konsultasi-konsultasi hendaklah dikekalkan dengan pihak yang terjejas secara langsung oleh operasi-operasi pengurusan. | | |
| **Petunjuk 4.4.1** | Pengurus hutan hendaklah menilai, melalui konsultasi, impak sosial ke atas operasi-operasi hutan yang secara langsung menjejaskan kepada masyarakat, dan pihak yang terjejas secara langsung daripada operasi-operasi hutan hendaklah diberi akses kepada maklumat mengenai hasil-hasil penilaian impak sosial. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan/Pembangunan Daerah<br>• Rekod-rekod mesyuarat dan/atau konsultasi antara pengurus hutan dan | **Sabah**<br>• Laporan pematuhan EIA, jika berkenaan<br>• Rekod-rekod mesyuarat dan/atau konsultasi antara pengurus hutan dan masyarakat tempatan yang terjejas<br>• Laporan SIA | **Sarawak**<br>• Rekod-rekod mesyuarat dan/atau konsultasi antara pengurus hutan dan masyarakat tempatan yang terjejas<br>• Laporan SIA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | masyarakat setempat yang terjejas<br>• Laporan SIA | | |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 4.4.2** | Perancangan dan amalan pengurusan hutan hendaklah mengambil kira dan menggabungkan hasil-hasil penilaian yang dijalankan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 4.5** | Mekanisma bersesuaian hendaklah digunakan untuk menyelesaikan rungutan-rungutan dan memberikan pampasan yang adil jika berlaku kerugian atau kerosakan yang menjejaskan hak-hak perundangan atau hak adat, harta benda, sumber atau kehidupan masyarakat setempat. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan yang sedemikian. | | |
| **Petunjuk 4.5.1** | Peruntukan dan langkah-langkah di dalam undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan yang berkaitan hendaklah diambil untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan yang menjejaskan hak-hak perundangan atau hak adat, harta benda, sumber-sumber atau kesejahteraan masyarakat setempat. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Akta Orang Asli, 1954<br>• Keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan dengan hak perundangan atau hak pegangan atau hak penggunaan.<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999<br>• Rekod-rekod mesyuarat dan/atau konsultasi antara pengurus-pengurus hutan dan masyarakat setempat yang terjejas<br>• Rekod-rekod tuntutan yang sahih | **Sabah**<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Hak Adat Anak Negeri yang ditubuhkan, jika ada<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>• Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999<br>• Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri), 1952<br>• Ordinan Tanah Sabah, 1930 (Bab 68)<br>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992<br>• Rekod-rekod mesyuarat dan/atau konsultasi antara pengurus-pengurus hutan dan masyarakat tempatan yang terjejas.<br>• Perlembagaan Negeri Sabah<br>• Sistem Tagal dan Sogit | **Sarawak**<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Perlembagaan Persekutuan<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>• Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999<br>• Kanun Tanah Sarawak, 1958 (Bab 81)<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>  ○ Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22)<br>• Rekod-rekod mesyuarat dan/atau konsultasi antara pengurus-pengurus hutan dan masyarakat tempatan yang terjejas. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Perlembagaan Negeri Sarawak |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 4.5.2** | Mekanisma bersesuaian digunakan untuk mempercepatkan penyelesaian rungutan-rungutan, dan memberikan pampasan yang adil dan saksama untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang menjejaskan hak-hak perundangan dan hak adat, harta benda, sumber dan kesejahteraan masyarakat setempat yang disebabkan oleh operasi-operasi hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod pampasan<br>• Rekod-rekod konsultasi dan rundingan serta keputusannya<br>• Rekod-rekod keputusan mahkamah<br>• Rekod-rekod perantaraan atau timbang tara serta keputusannya |

**PRINSIP 5: FAEDAH-FAEDAH DARIPADA HUTAN**

Operasi-operasi pengurusan hutan hendaklah menggalakkan penggunaan secara berkesan kepelbagaian produk dan perkhidmatan hutan untuk memastikan keupayaan ekonomi serta pelbagai faedah alam sekitar dan sosial.

<table>
<tr><td>Kriteria 5.1</td><td colspan="3">Pengurusan hutan hendaklah berusaha ke arah daya maju ekonomi di samping mengambil kira sepenuhnya kos-kos alam sekitar, sosial dan operasi pengeluaran, serta memastikan pelaburan-pelaburan yang diperlukan untuk mengekalkan produktiviti ekologi dan integriti hutan.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 5.1.1</td><td colspan="3">Pelaburan dan pelaburan semula dibuat dalam pengurusan hutan, termasuk untuk pentadbiran hutan, perlindungan, penyelidikan, pembangunan sumber manusia, ekonomi, pemuliharaan, aspek-aspek alam sekitar dan sosial, selaras dengan tempoh pegangan FMU.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Belanjawan mengurus dan belanjawan pembangunan tahunan serta perbelanjaan<br>• Rancangan Mengusahasil Hutan (HA)<br>• Belanjawan rancangan pembangunan untuk 5 tahun (HA)<br>• Rancangan penuaian tahunan (LH)</td><td>Sabah<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Belanjawan mengurus dan belanjawan pembangunan tahunan serta perbelanjaannya</td><td>Sarawak<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Belanjawan mengurus dan belanjawan pembangunan tahunan serta perbelanjaannya<br>• Rancangan penuaian umum dan Rancangan penuaian terperinci (General Harvesting Plan and Detailed Harvesting Plan)</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>Petunjuk 5.1.2</td><td colspan="3">Peruntukan-peruntukan dan preskripsi-preskripsi pengurusan dibuat untuk mengekalkan, memulihara atau meningkatkan kapasiti pengeluaran dan integriti ekologi FMU bagi memastikan keupayaan ekonominya.</td></tr>
<tr><td>HA</td><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Rancangan Mengusahasil Hutan<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod tanaman mengaya dan rawatan silvikultur<br>• Keputusan-keputusan inventori hutan sebelum dan selepas tebangan</td><td>Sabah<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang (LTTLA)<br>• Rekod-rekod tanaman mengaya dan rawatan silvikultur<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (SFMLA)</td><td>Sarawak<br>• Detailed Harvesting Plan<br>• DF Circular No. 6/99 – Conservator of Wildlife in Forest Timber Licensed Areas<br>• DF Circular No. 2/2019 – Restoration Program within Licensed Area<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Manual, Procedure and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification<br>  o Guideline 11 – Guidelines for Silviculture Practice (Enrichment Planting)</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • Rekod-rekod tanaman mengaya |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan mengusahasil tahunan<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Rekod-rekod petak contoh kekal dan penganalisaan data<br>• Rekod-rekod penanaman | **Sabah**<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod petak contoh kekal dan analisis data<br>• Rekod-rekod penanaman<br>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang (LTTLA)<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (SFMLA) | **Sarawak**<br>• Rancangan tahunan<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Rekod-rekod petak contoh kekal dan analisis data<br>• Rekod-rekod penanaman |

| | | |
|---|---|---|
| | **Kriteria 5.2** | Pengurusan dan operasi-operasi hutan hendaklah menggalakkan penggunaan optimum dan pemprosesan tempatan pelbagai produk daripada hutan. |
| | **Petunjuk 5.2.1** | Amalan-amalan pengurusan hutan menggalakkan penggunaan sumber-sumber hutan secara optimum. |
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Pematuhan kepada Catuan Tebangan Tahunan (CTT)<br>• Inventori-inventori sumber hutan<br>• Pelesenan hasil hutan bukan kayu<br>• Kuantiti produk-produk kayu dan hasil hutan bukan kayu yang dikeluarkan |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Inventori-inventori sumber ladang hutan<br>• Senarai dan kuantiti kayu yang diusahasil<br>• Senarai dan kuantiti pengeluaran hasil hutan bukan kayu, di mana berkenaan |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 5.2.2** | Strategi pengurusan hutan menggalakkan pemprosesan tempatan dan mempelbagaikan campuran produk komersial yang diperolehi daripada hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Struktur dan kadar royalti yang diwartakan<br>• Kuantiti dan peratusan produk-produk kayu dan bukan kayu yang diproses secara tempatan |

| | | |
|---|---|---|
| | **Kriteria 5.3** | Pengurusan hutan hendaklah mengurangkan sisa daripada pengusahasilan/penuaian dan operasi-operasi pemprosesan di lapangan serta mengelakkan kerosakan ke atas sumber-sumber hutan yang lain. |
| **HA** | **Petunjuk 5.3.1** | Pelaksanaan garis panduan mengenai pembalakan berimpak rendah / kurang impak untuk meminimumkan kerosakan kepada dirian tinggal, dan operasi-operasi pengusahasilan kayu balak untuk meminimumkan pembaziran produk. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan Mengusahasil Hutan<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di Semenanjung Malaysia<br>• Peruntukan-peruntukan penggunaan sisa pengusahasilan yang boleh niaga, jika berkaitan | **Sabah**<br>• Pelan Penuaian Komprehensif<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009 | **Sarawak**<br>• *Basic Chainsaw Maintenance and Directional Tree Felling 2001*<br>• *Detailed Harvesting Plan*<br>• *Manual, Procedure and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>o *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>o *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |
| **LH** | **Petunjuk 5.3.1** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan untuk pembalakan berimpak rendah / kurang impak bagi meminimumkan pembaziran dan kerosakan pada sumber-sumber hutan lain. | | |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Prosedur-prosedur operasi standard untuk operasi-operasi penuaian | | |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 5.3.2** | Latihan kepada kakitangan mengenai teknik pembalakan berimpak rendah / kurang impak hendaklah dilaksanakan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod latihan |

| | | |
|---|---|---|
| | **Kriteria 5.4** | Pengurusan hutan hendaklah berusaha untuk memperkukuhkan dan mempelbagaikan ekonomi tempatan serta mengelakkan daripada kebergantungan kepada hanya satu produk hutan. Kepelbagaian dalam komposisi ladang hutan hendaklah diutamakan, demi mempertingkatkan kestabilan ekonomi, ekologi dan sosial. Kepelbagaian tersebut boleh merangkumi saiz dan taburan spatial unit-unit pengurusan di dalam kawasan landskap, bilangan serta komposisi genetik bagi spesies, kelas umur dan struktur. |
| **HA** | **Petunjuk 5.4.1** | Strategi pengurusan hutan yang menggalakkan pengeluaran pelbagai campuran produk hutan komersial termasuk penggunaan hasil hutan bukan kayu dan perkhidmatan-perkhidmatan hutan, terutamanya oleh perusahaan-perusahaan masyarakat setempat, dengan syarat penggunaan tersebut tidak menjejaskan keadaan ekologi hutan tersebut. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Strategi kepelbagaian<br>• Lesen-lesen mengusahasil hasil hutan bukan kayu atau permit-permit yang dikeluarkan kepada perusahaan masyarakat setempat<br>• Kuantiti kayu dan hasil hutan bukan kayu yang diusahasil di dalam FMU bagi tempoh lima tahun yang lalu<br>• Bayaran untuk perkhidmatan ekosistem (PES), jika berkaitan |

| | | |
|---|---|---|
| **LH** | **Petunjuk 5.4.1** | Ketersediaan maklumat stok tanaman, kelas umur, saiz dan taburan spatial spesies yang ditanam di dalam kawasan ladang hutan, dengan mengutamakan kepelbagaian dalam komposisi ladang hutan, demi meningkatkan kestabilan ekonomi, ekologi dan sosial. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Senarai spesies yang ditanam di dalam kawasan ladang hutan, termasuk tempat asal spesies diperolehi<br>• Keluasan kawasan yang ditanam mengikut spesies dan kelas umur<br>• Peta-peta yang menunjukkan taburan spatial spesies yang ditanam |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 5.5** | Operasi-operasi pengurusan hutan hendaklah mengiktiraf, mengekalkan dan jika bersesuaian, mempertingkatkan nilai perkhidmatan-perkhidmatan hutan, termasuklah pengaturan iklim dan penyerapan karbon, dan sumber-sumber seperti kawasan rekreasi, tadahan air dan perikanan. | | |
| **Petunjuk 5.5.1** | Pelaksanaan garis panduan dan/atau prosedur-prosedur untuk mengenal pasti dan menanda kawasan-kawasan sensitif untuk perlindungan tanah dan air, tadahan air, saliran air dan tanah lembap. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Laporan EIA<br>• Rancangan Pengusahasilan Hutan ***(HA)***<br>• Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di Semenanjung Malaysia ***(HA)***<br>• Rancangan Fizikal Negara ke-3, 2015<br>• Rancangan Struktur Negeri | **Sabah**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Laporan EIA<br>• Garis panduan EIA untuk Aktiviti Pembalakan dan Pembersihan Hutan, 2002<br>• *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values* | **Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• *EIA Terms and Conditions Approval*<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>o *Guideline 4 – Procedures to Identify Production, Protection and Community Use Areas based on Forest Zoning*<br>o *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>o *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |
| **Petunjuk 5.5.2** | Pelaksanaan garis panduan pengurusan, di mana bersesuaian, dalam mengekalkan dan/atau mempertingkatkan nilai perkhidmatan dan sumber hutan termasuklah amalan-amalan positif iklim seperti pengurangan pelepasan gas rumah hijau. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan Penuaian Tahunan ***(LH)***<br>• Rancangan Tahunan Hutan<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di | **Sabah**<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009<br>• Pelan Penuaian Komprehensif ***(HA)*** | **Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• *General Harvesting Plan* dan *Detailed Harvesting Plan*<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Semenanjung Malaysia ***(HA)***<br>• Manual Perhutanan, 2003 | • Enakmen Sumber Air Sabah, 1998 – *Part VI (Catchment Planning and Protection)* ***(HA)*** | *Forest Management Certification*<br>o *Guideline 4 – Procedures to Identify Production, Protection and Community Use Areas based on Forest Zoning*<br>o *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>o *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Kriteria 5.6** | Kadar pengusahasilan / penuaian sumber-sumber hutan hendaklah pada asasnya secara mampan. | | |
| **HA** | **Petunjuk 5.6.1** | Kadar pengusahasilan / penuaian hendaklah tidak melebihi anggaran pertumbuhan semula dirian tinggal berdasarkan petak contoh kekal mengikut pusingan tebangan yang ditetapkan terlebih dahulu. | | |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Kup tahunan dikira berdasarkan jumlah bersih kawasan pengeluaran dibahagikan dengan tempoh pusingan tebangan<br>• Bukti inventori, pengiraan hasil dan perancangan pengusahasilan dalam rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod dan analisis data petak contoh kekal<br>• Kadar pengusahasilan hendaklah tidak melebihi daripada Catuan Tebangan Tahunan | | |
| **LH** | **Petunjuk 5.6.1** | Kadar penuaian hendaklah selaras dengan pusingan tebangan yang ditetapkan dalam Rancangan Pengurusan Ladang Hutan. | | |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Rancangan penuaian | **Sabah**<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan penuaian | **Sarawak**<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Rancangan Pengurusan Ladang Hutan |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 5.6.2** | Rekod-rekod mengenai kuantiti produk-produk kayu dan hasil hutan bukan kayu yang diusahasil / dituai secara komersial hendaklah disenggara dengan mengambil kira kemampanan produk-produk tersebut dalam jangka panjang. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod produk-produk kayu dan hasil hutan bukan kayu serta kuantiti yang diusahasil / dituai yang dilesenkan dalam FMU |

**PRINSIP 6: IMPAK ALAM SEKITAR**

Pengurusan hutan hendaklah memelihara kepelbagaian biologi dan nilai-nilai berkaitan, sumber air, tanah serta landskap dan ekosistem yang unik dan rapuh, yang mana dengan berbuat demikian akan mengekalkan fungsi ekologi dan integriti hutan.

<table>
<tr><td>Kriteria 6.1</td><td colspan="3">Penilaian impak-impak alam sekitar hendaklah dilengkapkan, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi pengurusan hutan dan keunikan sumber yang terlibat dan diintegrasikan sewajarnya ke dalam sistem pengurusan. Penilaian-penilaian hendaklah meliputi pertimbangan pada peringkat landskap termasuk juga impak-impak ke atas kemudahan pemprosesan di tapak. Impak-impak terhadap alam sekitar hendaklah dinilai sebelum bermulanya operasi-operasi yang akan mengganggu tapak berkenaan.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 6.1.1</td><td colspan="3">Penilaian impak alam sekitar hendaklah dilaksanakan sebelum operasi hutan dijalankan, termasuklah pertimbangan pada peringkat landskap, termasuk juga impak ke atas kemudahan pemprosesan di tapak, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi pengurusan hutan dan keunikan sumber-sumber yang terlibat.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Penilaian impak alam sekitar dijalankan selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015</td><td>Sabah<br>• Perjanjian Syarat-Syarat Alam Sekitar (AEC)<br>• Laporan EIA<br>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002<br>o Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam) 2005<br>• Garis panduan EIA untuk Aktiviti Pembalakan dan Pembersihan Hutan, 2002</td><td>Sarawak<br>• Penilaian impak alam sekitar dijalankan selaras dengan Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994<br>• Rancangan pengurusan hutan yang menggabungkan penilaian impak alam sekitar<br>• Ordinan Sumber Asli Dan Alam Sekitar,1993 – Bab 84, Undang-Undang Sarawak 1958<br>o Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 6.1.2</td><td colspan="3">Penilaian impak alam sekitar dijalankan, termasuk potensi impak terhadap spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, atau dalam bahaya dan terancam, ekosistem yang jarang ditemui dan terdedah kepada ancaman, dan keperluan untuk koridor biologi dalam FMU, bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan, termasuk juga pertimbangan terhadap kesan risiko kebakaran dan pencemaran atau mendapan kelodak di saliran air dan tanah lembap, dan stok karbon hutan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Penilaian impak alam sekitar dijalankan mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling), 2015<br>• Malaysian Plant Red List</td><td>Sabah<br>• Laporan EIA<br>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002<br>o Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam) 2005</td><td>Sarawak<br>• Penilaian impak alam sekitar dijalankan mengikut Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994<br>• Rancangan pengurusan hutan yang</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • *Red list of Mammals for Peninsular Malaysia*<br>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 | • Garis panduan EIA untuk Aktiviti Pembalakan dan Pembersihan Hutan, 2002<br>• *Sabah Plant Red List*<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar,1997 | menggabungkan penilaian kesan alam sekitar<br>• Ordinan Sumber Asli Dan Alam Sekitar, 1993 – Bab 84, Undang-Undang Sarawak 1958<br>  o Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994<br>• *Sarawak Plant Red List*<br>• Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26) |
| **Petunjuk 6.1.3** | Rancangan-rancangan pengurusan hutan hendaklah merangkumi langkah-langkah bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar seperti yang dikenal pasti dalam penilaian. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan dengan langkah-langkah mitigasi bagi semua impak seperti yang dikenal pasti dalam laporan EIA | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 6.2** | Langkah keselamatan hendaklah wujud dalam melindungi spesies yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam serta habitat mereka (contohnya kawasan bersarang, jenut dan kawasan sumber makanan) termasuk daripada eksploitasi bagi tujuan komersial. Zon-zon pemuliharaan dan kawasan-kawasan perlindungan hendaklah ditubuhkan, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi pengurusan hutan dan keunikan sumber-sumber yang terlibat. Memburu, menangkap ikan, memerangkap dan mengutip hasil hutan hendaklah dikawal mengikut undang-undang dan undang-undang adat yang bersesuaian. | | |
| **Petunjuk 6.2.1** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan untuk mengenal pasti dan melindungi spesies flora dan fauna hutan yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam, termasuk ciri-ciri berkepentingan biologi yang istimewa di habitat mereka seperti pokok biji benih, jenut, kawasan bersarang dan sumber makanan di dalam FMU. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Pekeliling- Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan<br>• Laporan EIA<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Garis panduan pengenalan dan perlindungan spesies yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam<br>• Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008<br>• Senarai terkini spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam | **Sabah**<br>• Laporan EIA<br>• Garis panduan EIA untuk Aktiviti Pembalakan dan Pembersihan Hutan, 2002<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod perlindungan spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam, berdasarkan pelan-pelan tindakan yang sudah dipersetujui, jika ada.<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 | **Sarawak**<br>• *A Master Plan for Wildlife in Sarawak, 1996*<br>• *EIA Terms and Conditions Approval*<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Peraturan Perhutanan Sarawak, 1973 (Jadual Kedua)<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>  o *Guideline 7 – Guidelines to Identify Endangered, Rare, Threatened or* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | • Manual Perhutanan, 2003<br>• Had tebangan untuk *Neobalanocarpus heimii* (Cengal) bersamaan dengan atau melebihi 60 cm dpd<br>• Pelan Tindakan Konservasi Gajah<br>• Rancangan Fizikal Negara-3, 2015<br>  ○ *Central Forest Spine Master Plan*<br>• Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan<br>• Rekod langkah-langkah yang diambil dalam menangani konflik antara hidupan liar dan manusia<br>• Rekod-rekod perlindungan spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam, jika ada<br>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 | • Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang (LTTLA)<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (SFMLA)<br>• Senarai terkini spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar, 1997<br>• Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 | *Protected Forest Tree Species in Sarawak*<br>  ○ *Guideline 8 – Guidelines for Fauna Conservation and Ecosystem Management*<br>• Rekod-rekod perlindungan spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam, jika ada<br>• Senarai terkini spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam<br>• Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26) (Jadual Pertama dan Kedua)<br>• Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 |
| | **Petunjuk 6.2.2** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan pengurusan bagi mewujudkan kawasan-kawasan pemeliharaan dan perlindungan yang mewakili ekosistem-ekosistem hutan sedia ada, bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan. | | |
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Zon penampan bagi alur air dan sungai kekal di Hutan Darat dan Hutan Paya Gambut mestilah sekurang-kurangnya 5 m lebar di kedua-dua belah sungai, ditanda dan penebangan pokok adalah dilarang<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Garis panduan untuk penubuhan Hutan Simpanan Kekal<br>• Senarai pokok buah-buahan yang dilarang untuk ditebang<br>• Manual Perhutanan, 2003<br>• Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1 Tahun 2013 - Panduan Penubuhan dan | **Sabah**<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah 2000<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar,1997<br>  ○ Senarai hidupan liar yang dilindungi (Jadual 2)<br>  ○ Senarai hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (Jadual 1) | **Sarawak**<br>• *A Master Plan for Wildlife in Sarawak, 1996*<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>  ○ *Guideline 7 – Guidelines to Identify Endangered, Rare, Threatened or Protected Forest Tree Species in Sarawak*<br>  ○ *Guideline 8 – Guidelines for Fauna Conservation and Ecosystem Management*<br>• *Orangutan Strategic Action Plan: Trans-boundary Biodiversity Conservation Area* |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>Penyelenggaraan Hutan Simpanan Hutan Dara<ul><li>Kawasan Pengeluaran Biji Benih</li><li>Taman-taman Negeri, jika berkaitan</li><li>Hutan Simpanan Hutan Dara</li><li>Taman perlindungan hidupan liar dan rizab mergastua, jika berkaitan</li><li>Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010<ul><li>Senarai hidupan liar yang dilindungi (Jadual Pertama)</li><li>Senarai hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (Jadual Kedua)</li></ul></li></ul></td><td></td><td><ul><li>Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26)<ul><li>Senarai hidupan liar yang dilindungi (Jadual Pertama dan Kedua)</li><li>Senarai hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (Jadual Pertama dan Kedua)</li></ul></li></ul></td></tr>
<tr><td>LH</td><td>Verifier</td><td>Semenanjung<ul><li>Penandaan kawasan pemeliharaan</li><li>Laporan EIA</li><li>Rancangan pengurusan ladang hutan</li><li>Garis panduan untuk penubuhan kawasan perlindungan dan konservasi</li><li>Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan</li><li>Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan</li></ul></td><td>Sabah<ul><li>Penandaan kawasan konservasi</li><li>Laporan EIA</li><li>Rancangan pengurusan hutan</li><li>Garis panduan untuk penubuhan kawasan contoh perlindungan dan konservasi</li></ul></td><td>Sarawak<ul><li>Penandaan kawasan konservasi</li><li>EIA Terms and Conditions Approval</li><li>Rancangan pengurusan ladang hutan</li><li>Licence for Planted Forests</li><li>Garis panduan untuk penubuhan kawasan contoh perlindungan dan konservasi</li><li>Orangutan Strategic Action Plan: Trans-boundary Biodiversity Conservation Area</li></ul></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Petunjuk 6.2.3</td><td>Kewujudan kerjasama antara pengurus-pengurus hutan, organisasi-organisasi pemuliharaan, masyarakat setempat termasuk Orang Asal, institusi-institusi akademik dan penyelidikan serta pihak berkuasa dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan pengurusan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung / Sabah / Sarawak<ul><li>Rancangan pelaksanaan projek</li><li>Rekod-rekod mesyuarat atau kerjasama</li><li>Rekod-rekod projek kerjasama</li></ul></td></tr>
</table>

| | Petunjuk 6.2.4 | Memburu, menangkap ikan, memasang perangkap dan mengambil hasil hutan hendaklah dikawal dan sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan adalah dilarang di dalam FMU. | | |
|---|---|---|---|---|
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Akta Orang Asli 1954<br>• Akta Perhutanan Negara 1984<br>• Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan<br>• Rekod-rekod lesen mengambil hasil hutan<br>• Rekod-rekod langkah yang diambil seperti rondaan berkala kawasan hutan, papan tanda, penutupan laluan kemasukan ke kawasan hutan, kawalan pentadbiran (Contoh: pos pengawal) untuk mencegah aktiviti memburu, menangkap ikan, memerangkap, mengambil hasil hutan dan aktiviti-aktiviti rekreasi lasak<br>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 | **Sabah**<br>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar, 2002<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>• Rekod-rekod langkah yang diambil seperti rondaan berkala kawasan hutan, papan tanda, penutupan laluan keluar masuk ke kawasan hutan, kawalan pentadbiran (Contoh: pos pengawal) untuk mencegah aktiviti memburu, menangkap ikan, memasang jerat, mengambil hasil hutan dan aktiviti-aktiviti rekreasi ekstrem<br>• Adat dan tradisi, seperti sistem Tagal dan Sogit untuk pengurusan sumber<br>• Rekod-rekod dan/atau laporan-laporan memburu, menangkap ikan dan mengambil hasil hutan<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah 2000<br>• Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur 2003<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar, 1997 | **Sarawak**<br>• Pelantikan Renjer-renjer Hidupan Liar Kehormat<br>• *Circular No. DF 6/99 – Conservator of Wildlife in Forest Timber Licensed Areas*<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod langkah yang diambil seperti rondaan berkala kawasan hutan, papan tanda, penutupan laluan keluar masuk ke kawasan hutan, kawalan pentadbiran (Contoh: pos pengawal) untuk mencegah aktiviti memburu, menangkap ikan, memasang jerat, mengambil hasil hutan dan aktiviti-aktiviti rekreasi ekstrem<br>• Rekod-rekod dan/atau laporan-laporan memburu, menangkap ikan dan mengambil hasil hutan<br>• Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26) |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Langkah-langkah untuk mengawal aktiviti memburu, menangkap ikan, memasang perangkap dan mengambil hasil hutan<br>• Langkah-langkah untuk menghalang pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dilarang dalam kawasan ladang hutan seperti rondaan berkala dalam kawasan-kawasan ladang hutan, papan tanda dan kawalan aktiviti kemasukan ke kawasan-kawasan penanaman.<br>• Rekod-rekod dan/atau laporan-laporan memburu, menangkap ikan dan mengambil hasil hutan | | |

| Petunjuk 6.2.5 | Pekerja-pekerja hutan dan masyarakat setempat hendaklah dimaklumkan tentang spesies-spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam yang boleh ditemui dalam FMU. |
|---|---|
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod aktiviti peningkatan kesedaran seperti taklimat, poster dan bahan penerbitan<br>• Senarai kehadiran |

<table>
<tr><td></td><td>Kriteria 6.3</td><td colspan="3">Fungsi-fungsi dan nilai-nilai ekologi hendaklah dikekalkan, dipertingkatkan, atau dipulihkan, termasuk:<br>a) Pertumbuhan semula dan penyesaran hutan<br>b) Kepelbagaian genetik, spesies dan ekosistem<br>c) Kitaran semula jadi yang mempengaruhi produktiviti ekosistem hutan<br><br>(Kriteria ini hendaklah diguna pakai untuk hutan asli dan kawasan/tapak dalam unit pengurusan ladang hutan yang diperuntukkan untuk pemuliharaan atau pengurusan hutan asli)</td></tr>
<tr><td>HA</td><td>Petunjuk 6.3.1</td><td colspan="3">Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan pengurusan untuk menilai regenerasi semula jadi selepas tebangan, dan langkah-langkah untuk membantu regenerasi semula jadi dan pemulihan kawasan terosot, di dalam FMU, sekiranya perlu. Spesies asal yang bersesuaian dengan keadaan setempat hendaklah diutamakan.</td></tr>
<tr><td></td><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Analisis perubahan dirian hutan/komposisi spesies berdasarkan inventori sebelum tebangan<br>• Manual Perhutanan, 2003<br>• Rekod-rekod rawatan silvikultur<br>• Keputusan-keputusan inventori sebelum dan selepas tebangan</td><td>Sabah<br>• Analisis perubahan dirian hutan/komposisi spesies berhubung inventori sebelum tebangan<br>• Closing inspection report<br>• Kajian diagnostik dalam penyediaan rancangan kerja tahunan untuk menentukan kawasan pengayaan atau rawatan silvikultur, jika berkaitan.<br>• Rekod-rekod petak contoh<br>• Inventori sebelum tebangan<br>• Rekod-rekod rawatan silvikultur<br>• Prosedur Operasi Standard untuk tanaman mengaya<br>• Prosedur Operasi Standard untuk rawatan silvikultur</td><td>Sarawak<br>• Analisis perubahan dirian hutan/komposisi spesies berhubung inventori sebelum tebangan<br>• Instruction for the Inspection of Logging Areas, 1982<br>• Prosedur untuk pemeriksaan kawasan penuaian<br>• Prosedur untuk pemeriksaan blok selepas pembalakan<br>• Rekod-rekod tanaman mengaya</td></tr>
<tr><td>LH</td><td>Petunjuk 6.3.1</td><td colspan="3">Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan pengurusan ladang hutan untuk menanda dan melindungi hutan asli, dan langkah-langkah untuk menambah baik regenerasi semula jadi, di dalam kawasan-kawasan ladang hutan, sekiranya perlu. Spesies asal yang bersesuaian dengan keadaan setempat hendaklah diutamakan.</td></tr>
<tr><td></td><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Rancangan Pengurusan Ladang Hutan<br>• Garis panduan untuk penandaan dan perlindungan hutan asli<br>• Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 2 Tahun 1996 - Panduan Aktiviti Tanaman Mengaya [Bab 9, Manual Kerja Luar Sistem</td><td>Sabah<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Garis panduan untuk penandaan dan perlindungan hutan asli<br>• Rekod-rekod kawasan hutan asli yang ditanda, dipeta, dilindungi dan dipertingkatkan melalui amalan silvikultur yang sesuai</td><td>Sarawak<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Garis panduan untuk pendemarkasi dan perlindungan hutan asli<br>• Rekod-rekod kawasan hutan asli yang ditanda, dipeta dan dilindungi<br>• Rekod-rekod pemulihan dan restorasi kawasan terosot</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Pengurusan Memilih, JPSM, 1997]<br>• Rekod-rekod kawasan hutan asli yang ditanda, dipeta dan dilindungi | | |

| | **Petunjuk 6.3.2** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan untuk pemuliharaan genetik, spesies dan kepelbagaian ekosistem di dalam FMU. | | |
|---|---|---|---|---|
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Manual Perhutanan, 2003<br>• Had tebangan untuk *Neobalanocarpus heimii* (Cengal) bersamaan dengan atau melebihi 60 cm dpd<br>• Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025<br>• Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1 Tahun 2013 - Panduan Penubuhan dan Penyelenggaraan Hutan Simpanan Hutan Dara<br>• Kawasan Pengeluaran Biji Benih<br>• Tempat perlindungan hidupan liar dan rizab pemburuan, Taman Negara dan Taman Negeri, jika berkaitan | **Sabah**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Pelan Penuaian Komprehensif<br>• Enakmen Hutan, 1968<br>• *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values*<br>• Rekod-rekod perlindungan spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam, berdasarkan pelan tindakan yang sudah dipersetujui, jika ada<br>• Enakmen Biodiversiti Sabah 2000<br>• Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar,1997 | **Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• *A Master Plan for Wildlife in Sarawak, 1996*<br>• *DF Circular No. 6/99 – Conservator of Wildlife in Forest Timber Licensed Areas*<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>   o *Guideline 8 – Guidelines for Fauna Conservation and Ecosystem Management*<br>• Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi 1997 (Bab 24) dan peraturan-peraturannya.<br>• Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26) |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Garis panduan untuk pemuliharaan genetik, spesies dan kepelbagaian ekosistem | | |

| **Petunjuk 6.3.3** | Pengusahasilan/penuaian dirancang dengan mengambil kira keperluan untuk pemeliharaan koridor biologi dan zon penampan bagi ciri-ciri berkepentingan biologi yang istimewa untuk flora dan fauna. |
|---|---|
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan penuaian<br>• *Central Forest Spine Master Plan* ***(Semenanjung)*** |

| | | |
|---|---|---|
| | **Kriteria 6.4** | Sampel-sampel yang mewakili ekosistem sedia ada sesuatu landskap hendaklah dilindungi dalam keadaan semula jadi dan direkodkan di atas peta, bersesuaian dengan keunikan sumber-sumber yang terjejas serta skala dan intensiti operasi. |
| | **Petunjuk 6.4.1** | Kawasan-kawasan yang mewakili ekosistem hutan sedia ada, yang bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi pengurusan hutan, dikenal pasti dan dipilih di bawah 6.2.2, ditanda, dipetakan serta dilindungi dalam keadaan semula jadi. |
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rekod-rekod, peta-peta, penandaan dan pelindungan kawasan-kawasan tersebut<br>• Papan tanda dan rekod-rekod pelaksanaan |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Dokumentasi dan peta-peta yang menunjukkan kawasan-kawasan yang diuruskan sebagai hutan asli di dalam kawasan-kawasan ladang hutan<br>• Strategi, pelan dan program pengurusan untuk memantau kemajuan dalam pengurusan hutan asli |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **LH** | **Petunjuk 6.4.2** | Reka bentuk dan susun atur ladang hutan hendaklah menggalakkan perlindungan, pemulihan dan pemuliharaan hutan asli. Bagi kawasan ladang hutan yang berada berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar, zon penampan yang mencukupi hendaklah diwujudkan dan dikekalkan . | |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah**<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Peta yang menunjukkan kawasan sensitif alam sekitar<br>• *Central Forest Spine Master Plan* ***(Semenanjung)*** | **Sarawak**<br>• Rancangan penuaian tahunan<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan |
| **LH** | **Petunjuk 6.4.3** | Penubuhan ladang hutan hendaklah, bersesuaian dengan skala operasi, mengikut landskap semula jadi dan mengambil kira keperluan koridor hidupan liar, zon penampan alur air dan sungai kekal, serta mozek dirian yang berlainan kelas umur. | |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Rekod dan peta pola penanaman di kawasan ladang hutan<br>• Rekod, peta, penandaan dan perlindungan kawasan berkenaan | |

| | | |
|---|---|---|
| | **Kriteria 6.5** | Garis panduan hendaklah disediakan dan dilaksanakan untuk: mengawal hakisan, mengekal atau memperbaiki struktur tanah, kesuburan dan aktiviti biologi. Teknik-teknik dan kadar pengusahasilan/penuaian, pembinaan dan penyelenggaraan jalan dan laluan, dan pemilihan spesies hendaklah tidak mengakibatkan kemerosotan tanah dalam jangka masa panjang atau kesan-kesan buruk terhadap kualiti air, kuantiti atau lencongan ketara aliran sungai serta mencegah kebakaran. |
| **HA** | **Petunjuk 6.5.1** | Ketersediaan dan pelaksanaan prosedur-prosedur pengusahasilan untuk melindungi tanah daripada pemadatan oleh jentera dan mengawal hakisan semasa operasi pengusahasilan. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan Mengusahasil Hutan<br>• Garis Panduan Jalan Hutan<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di Semenanjung Malaysia | **Sabah**<br>• Pelan Penuaian Komprehensif<br>• Laporan EIA dan Laporan Pematuhan<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009 | **Sarawak**<br>• *Detailed Harvesting Plan*<br>• Laporan Pemantauan Alam Sekitar<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>  o *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>  o *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |
| **LH** | **Petunjuk 6.5.1** | Ketersediaan dan pelaksanaan prosedur-prosedur penubuhan ladang hutan dan penuaian untuk melindungi tanah daripada pemadatan oleh jentera dan hakisan semasa operasi penuaian. | | |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Garis panduan untuk penyediaan tapak dan teknik-teknik penanaman<br>• Garis panduan untuk susun atur, pembinaan dan penyelenggaraan<br>• Prosedur operasi standard untuk penubuhan ladang hutan<br>• Prosedur operasi standard untuk operasi penuaian | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Petunjuk 6.5.2** | Pelaksanaan pembalakan kurang/rendah impak untuk mengurangkan kerosakan ke atas alam sekitar. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di Semenanjung Malaysia | **Sabah**<br>• Pelan Penuaian Komprehensif<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009<br>• Garis Panduan untuk Operasi Penuaian (RIL) | **Sarawak**<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>  o *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>  o *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |
| **Petunjuk 6.5.3** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan untuk susun atur dan pembinaan jalan hutan, termasuk matau dan keperluan-keperluan saliran. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Garis Panduan Jalan Hutan<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di Semenanjung Malaysia<br>• *Rancangan Penuaian Hutan **(LH)*** | **Sabah**<br>• Pelan Penuaian Komprehensif<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009<br>• Garis Panduan untuk Operasi Penuaian (RIL) | **Sarawak**<br>• *Detailed Harvesting Plan **(HA)***<br>• Rancangan Penuaian Tahunan ***(LH)***<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | ○ *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>○ *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Petunjuk 6.5.4** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan pengurusan hidrologi semula jadi tanah lembap dan garis panduan untuk pemuliharaan zon penampan di sepanjang alur air dan sungai. | | |
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan Mengusahasil Hutan (RMH)<br>• Garis Panduan Jalan Hutan<br>• Garis Panduan Pembalakan Berimpak Kurang Impak di Semenanjung Malaysia<br>• Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan | **Sabah**<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009<br>• Pelan Penuaian Komprehensif | **Sarawak**<br>• *Detailed Harvesting Plan*<br>• *EIA Terms and Conditions Approval*<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>○ *Guideline 10A – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 1*<br>○ *Guideline 10B – Guidelines for Reduced Impact Logging: Part 2* |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan Pengurusan Ladang Hutan<br>• Garis panduan untuk pemuliharaan zon penampan di sepanjang alur air dan sungai seperti di dalam *Guidelines for Managing Biodiversity in the Riparian Zones.*<br>• Rancangan Penuaian | **Sabah**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Enakmen Sumber Air Sabah 1998<br>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Masa Panjang (LTTLA)<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (SFMLA) | **Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan<br>• Rancangan Penuaian Tahunan |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 6.5.5** | Rancangan pencegahan dan kawalan kebakaran hendaklah disediakan dan dilaksanakan untuk semua jenis hutan yang mudah terbakar. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan kebakaran hutan |
| **Petunjuk 6.5.6** | Ketersediaan dan pelaksanaan jadual pembajaan. Penggunaan baja haruslah diminimumkan. Apabila baja digunakan, ia hendaklah digunakan secara terkawal dan dengan pertimbangan yang sewajarnya terhadap alam sekitar. Penggunaan baja tidak boleh menjadi alternatif kepada pengurusan nutrien tanah yang sesuai. |

| | |
|---|---|
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod penggunaan baja termasuk penggunaan di tapak semaian<br>• Prosedur operasi standard untuk penggunaan baja |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 6.6** | Pengurus hutan hendaklah mengamalkan, di mana boleh, kaedah-kaedah pengurusan perosak yang mesra alam tanpa penggunaan bahan kimia dan mengelakkan penggunaan racun perosak. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menggariskan kumpulan bahan kimia Jenis 1A dan 1B dan racun-racun perosak hidrokarbon berklorin, racun-racun perosak bertoksik atau terbitannya kekal aktif secara biologi serta terkumpul dalam rantaian makanan setelah penggunaannya; dan sebarang racun perosak yang diharamkan oleh perjanjian antarabangsa, hendaklah dilarang. Sekiranya bahan kimia digunakan, peralatan yang betul dan latihan penggunaan hendaklah diberikan untuk mengurangkan risiko-risiko terhadap kesihatan dan persekitaran. |
| **Petunjuk 6.6.1** | Ketersediaan dasar pengurusan mengenai penggunaan kaedah pengurusan perosak yang mesra alam tanpa penggunaan bahan kimia dan larangan penggunaan racun-racun perosak yang diharamkan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Dasar pengurusan mengenai penggunaan kaedah-kaedah kawalan perosak yang mesra alam dan mengelakkan penggunaan racun perosak kimia, di mana berkaitan, dan larangan penggunaan racun-racun perosak yang diharamkan<br>• Hasil temu bual dengan pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja hutan |
| **Petunjuk 6.6.2** | Ketersediaan dan pelaksanaan garis panduan dan/atau prosedur-prosedur penggunaan bahan-bahan kimia dalam hutan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Garis panduan dan/atau prosedur-prosedur operasi standard mengenai penggunaan bahan kimia dalam operasi pengurusan hutan mengikut keperluan-keperluan berikut:<br>  o Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005<br>  o Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000<br>  o Spesifikasi pengeluar<br>• Senarai bahan kimia yang digunakan<br>• Helaian Data Keselamatan Bahan oleh pengeluar bahan kimia |
| **Petunjuk 6.6.3** | Pekerja-pekerja hutan hendaklah mengetahui dan mematuhi prosedur-prosedur penggunaan bahan kimia yang dibenarkan di dalam hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod latihan<br>• Hasil temu bual dengan pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja hutan |
| **Petunjuk 6.6.4** | Pengurusan hutan hendaklah menyediakan pelan pelaksanaan untuk pengurangan penggunaan racun perosak kimia. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Pelan pelaksanaan |

<table>
<tr><td>Kriteria<br>6.7</td><td>Bahan-bahan kimia, bekas-bekas, sisa-sisa cecair dan pepejal bukan organik termasuk bahan api dan minyak hendaklah dilupuskan mengikut kaedah yang bersesuaian terhadap alam sekitar di luar tapak. Tumpahan minyak atau bahan api semasa operasi pengurusan hutan hendaklah dicegah.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk<br>6.7.1</td><td>Minyak, bahan api, tayar, bekas-bekas, sisa cecair dan pepejal bukan organik hendaklah dilupuskan mengikut kaedah yang bersesuaian terhadap alam sekitar dan mengikut undang-undang. Prosedur kecemasan atau pemulihan hendaklah diadakan untuk meminimumkan risiko kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh tumpahan yang tidak disengajakan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005<br>• Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) (Pindaan) 2006<br>• Rekod-rekod pelupusan bekas, sisa cecair dan pepejal bukan organik termasuk bahan api dan minyak<br>• Prosedur-prosedur operasi standard untuk pelupusan sisa cecair dan pepejal bukan organik</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Kriteria<br>6.8</td><td colspan="2">Pengurusan bersepadu perosak, alternatif-alternatif silvikultur yang sesuai dan langkah-langkah biologi yang lain hendaklah menjadi pilihan utama untuk mengurangkan penggunaan racun perosak. Penggunaan agen kawalan biologi hendaklah didokumen, dipantau dan dikawal dengan ketat mengikut undang-undang dan protokol-protokol saintifik yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Penggunaan organisma diubah suai secara genetik adalah dilarang.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk<br>6.8.1</td><td colspan="2">Agen kawalan biologi hendaklah didokumentasi, dipantau dan dikawal mengikut undang-undang persekutuan dan negeri yang berkaitan serta protokol antarabangsa yang diterima pakai, jika agen-agen tersebut digunakan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung / Sabah<br>• Rekod-rekod dokumentasi dan pemantauan tentang penggunaan agen-agen kawalan biologi<br>• Akta Bio Keselamatan 2007</td><td>Sarawak<br>• Rekod-rekod dokumentasi dan pemantauan tentang penggunaan agen-agen kawalan biologi<br>• Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi, 1997 (Bab. 24)<br>  o Undang-undang Kepelbagaian Biologi Sarawak, 2016</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td rowspan="3">HA</td><td>Kriteria<br>6.9</td><td>Pengurus hutan hendaklah mendokumentasi, mengawal dan memantau penggunaan spesies eksotik untuk mengelakkan kesan-kesan yang memudaratkan ekologi.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk<br>6.9.1</td><td>Penggunaan spesies eksotik didokumen, dikawal dan dipantau untuk mengelakkan kesan-kesan yang memudaratkan ekologi. Hanya spesies-spesies asal hendaklah digunakan dalam tanaman mengaya.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung / Sabah / Sarawak<br>• Kelulusan oleh pihak berkuasa bagi perolehan spesies eksotik<br>• Senarai spesies eksotik yang digunakan<br>• Rekod-rekod tanaman mengaya<br>• Rekod-rekod pengawalan dan pemantauan spesies eksotik</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| **LH** | **Kriteria 6.9** | Pemilihan spesies untuk penanaman hendaklah berdasarkan kesesuaian untuk keseluruhan tapak dan objektif-objektif pengurusan. Untuk meningkatkan pemuliharaan kepelbagaian biologi, spesies asal yang bersesuaian dengan keadaan setempat adalah lebih diutamakan berbanding spesies eksotik, selain daripada spesies eksotik sedia ada yang telah terbukti kesesuaiannya dalam penubuhan ladang hutan dan pemulihan ekosistem terosot. Spesies eksotik, hanya akan digunakan apabila prestasinya lebih baik daripada spesies asal, hendaklah dipantau dengan teliti untuk mengesan kematian, penyakit atau wabak serangga yang luar biasa dan kesan-kesan negatif ekologi. |
| **LH** | **Petunjuk 6.9.1** | Ketersediaan dokumentasi ke atas pilihan spesies yang sepadan dengan keadaan-keadaan tapak dan objektif-objektif pengurusan penubuhan ladang hutan. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Kelulusan oleh pihak berkuasa bagi perolehan spesies eksotik<br>• Dokumentasi ciri-ciri pertumbuhan, prestasi dan pengurusan spesies terpilih bagi penubuhan ladang hutan<br>• Senarai spesies eksotik yang digunakan<br>• *Licence for Planted Forests* ***(Sarawak)***<br>• Rekod-rekod tinjauan tanah dan tapak |
| **LH** | **Petunjuk 6.9.2** | Ketersediaan justifikasi dan/atau analisis perbandingan kelebihan/ faedah pemilihan spesies eksotik berbanding spesies asal dalam penubuhan ladang hutan dan/atau pemulihan ladang hutan. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Keputusan-keputusan perbandingan justifikasi dan/atau analisis kelebihan/faedah penggunaan spesies eksotik berbanding spesies asal yang ditemui secara semula jadi di kawasan penanaman untuk penubuhan dan/atau pemulihan ladang hutan<br>• Rekod-rekod percubaan spesies, jika ada |
| **LH** | **Petunjuk 6.9.3** | Ketersediaan dokumentasi percubaan di tapak semaian dan lapangan seperti *provenance trials* untuk spesies terpilih bagi penubuhan ladang hutan. Impak dari pemilihan spesies terhadap ekosistem dan integriti genetik spesies asal dan kawasan tempatan hendaklah dinilai secara saintifik supaya impak negatif dapat dielakkan atau diminimumkan. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Laporan-laporan dan analisis percubaan di tapak semaian dan lapangan seperti *provenance trials* ke atas spesies terpilih yang digunakan dalam penubuhan ladang hutan.<br>• Rekod-rekod tindakan yang diambil untuk menyisihkan spesies eksotik yang tidak sesuai |
| **LH** | **Petunjuk 6.9.4** | Penilaian terhadap ladang hutan yang ditubuhkan dengan spesies terpilih melalui pemantauan petak-petak contoh kekal untuk mengesan kematian, penyakit atau wabak serangga yang luar biasa dan pengenalan tumbuhan-tumbuhan invasif (jika berkenaan), untuk mengelakkan kesan-kesan ekologi yang buruk. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod tindakan yang diambil untuk mengawal penyebaran spesies eksotik yang invasif<br>• Rekod-rekod pemantauan ladang hutan yang ditubuhkan dengan spesies eksotik<br>• Laporan-laporan  dan analisis tapak semaian dan percubaan di lapangan seperti *provenance trials* ke atas spesies terpilih yang digunakan dalam penubuhan ladang hutan<br>• Keputusan-keputusan analisis petak contoh kekal |

<table>
<tr><td rowspan="3">HA</td><td>Kriteria 6.10</td><td colspan="3">Penukaran hutan asli kepada kegunaan tanah lain hendaklah dielakkan, kecuali dalam keadaan-keadaan di mana penukaran:<br>a) melibatkan kawasan yang sangat terhad dalam FMU; dan<br>b) tidak berlaku di kawasan yang tinggi nilai pemuliharaannya; dan<br>c) tidak berlaku di koridor-koridor ekologi dan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar yang dikenal pasti oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan<br>d) tidak memberi kesan secara negatif kepada kawasan stok karbon sangat tinggi; dan<br>e) akan membawa faedah yang jelas, ketara, bertambah, terjamin, pemuliharaan jangka panjang, faedah ekonomi dan sosial bagi keseluruhan FMU.</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 6.10.1</td><td colspan="3">Pengurus hutan perlu memastikan penukaran hutan asli kepada ladang hutan atau penggunaan tanah bukan perhutanan:<br>a) Tidak termasuk kawasan yang tinggi nilai pemuliharaannya; dan<br>b) Meliputi kawasan yang sangat terhad dalam FMU dan hendaklah membawa faedah yang jelas, ketara, bertambah, terjamin, pemuliharaan jangka panjang, faedah ekonomi dan sosial bagi keseluruhan FMU<br><br>* "kawasan yang sangat terhad" ditakrif sebagai tidak melebihi 5% daripada jumlah kawasan FMU yang disijilkan</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Central Forest Spine Master Plan<br>• Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Analisis kos dan faedah sosial, alam sekitar dan ekonomi<br>• Penilaian impak alam sekitar, selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 – Seksyen 3A<br>• Rekod penukaran hutan, termasuk peta/gambar udara/imej satelit</td><td>Sabah<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Analisis kos dan faedah sosial, alam sekitar dan ekonomi<br>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan<br>• Laporan EIA<br>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002<br>  o Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam) 2005<br>• Rekod penukaran hutan, termasuk peta/gambar udara/imej satelit</td><td>Sarawak<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Analisis kos dan faedah sosial, alam sekitar dan ekonomi<br>• Penilaian Kesan Alam Sekitar, di mana dikehendaki oleh Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar (Bab 84)<br>• Perintah (Aktiviti Ditetapkan) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1994<br>• Rekod penukaran hutan, termasuk peta/gambar udara/imej satelit</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>LH</td><td>Kriteria 6.10</td><td>Penukaran hutan asli kepada ladang hutan tidak boleh berlaku, kecuali dalam keadaan di mana penukaran:<br>a) tidak berlaku di kawasan yang tinggi nilai pemuliharaannya; dan<br>b) tidak berlaku di koridor-koridor ekologi dan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar yang dikenal pasti oleh pihak berkuasa yang relevan; dan<br>c) akan membawa faedah pemuliharaan, ekonomi dan sosial yang jelas, ketara, bertambah, dan terjamin, dalam jangka panjang bagi keseluruhan FPMU.<br><br>Ladang hutan yang ditubuhkan di kawasan-kawasan yang ditukar daripada hutan asli selepas 31 Disember 2010 tidak layak mendapat pensijilan melainkan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Kriteria 6.11.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| **LH** | **Petunjuk 6.10.1** | Penukaran kawasan hutan kepada ladang hutan, selaras dengan peruntukan dasar dan perundangan persekutuan dan negeri yang berkaitan, tidak berlaku di kawasan yang tinggi nilai pemuliharaannya, dan akan memberikan faedah pemuliharaan, ekonomi dan sosial yang jelas, mantap, bertambah, dan terjamin dalam jangka panjang bagi unit pengurusan ladang hutan. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Analisis kos dan faedah termasuk aspek-aspek sosial<br>• Laporan EIA<br>• Dasar-dasar persekutuan dan negeri mengenai penubuhan ladang hutan<br>• Rancangan pengurusan ladang hutan |
| **LH** | **Petunjuk 6.10.2** | Penukaran kawasan ladang hutan kepada kegunaan bukan hutan, hanyalah meliputi kawasan yang sangat terhad (tidak melebihi 5%) dari kawasan unit pengurusan ladang hutan, memberi nilai pemuliharaan, ekonomi dan sosial yang lebih tinggi berbanding dengan penggunaan asal, dalam keseluruhan konteks keperluan pembangunan sosio-ekonomi negara. |
| | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Analisis kos dan faedah termasuk aspek-aspek sosial<br>• Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA)<br>• Rekod-rekod penukaran kawasan ladang hutan kepada kegunaan bukan hutan yang lain |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk 6.10.3** | Pengurus hutan hendaklah mempunyai bukti kelulusan yang diperlukan bagi penukaran, selaras dengan undang-undang dan dasar yang bersesuaian. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rundingan dengan masyarakat setempat jika berkenaan<br>• Analisis kos dan faedah termasuk aspek-aspek sosial untuk tujuan komersial<br>• Bukti kelulusan<br>• Laporan EIA<br>• Rekod-rekod penukaran kawasan ladang hutan kepada kegunaan bukan hutan yang lain |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 6.11** | Penukaran hutan-hutan yang sangat terosot kepada ladang-ladang hutan hanya boleh berlaku jika ia menambah nilai ekonomi, ekologi, sosial dan/atau budaya. Pra syarat untuk menambah nilai sedemikian adalah keadaan di mana penukaran tersebut:<br>a) mematuhi dasar dan undang-undang kebangsaan dan wilayah yang diguna pakai untuk penggunaan tanah dan pengurusan hutan dan juga hasil perancangan guna tanah kebangsaan atau wilayah yang ditadbir oleh kerajaan atau pihak berkuasa lain; dan<br>b) ditubuhkan berdasarkan keputusan yang dibuat di mana pihak-pihak berkepentingan yang terjejas mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan mengenai penukaran tersebut melalui proses konsultasi yang telus; dan<br>c) mempunyai kesan positif kepada kapasiti penyerapan karbon jangka panjang terhadap vegetasi hutan; dan<br>d) tidak mempunyai kesan-kesan negatif terhadap kepentingan ekologi kawasan hutan , kawasan-kawasan penting dari segi budaya dan sosial, atau kawasan-kawasan perlindungan yang lain; dan<br>e) melindungi fungsi perlindungan hutan kepada masyarakat dan perkhidmatan kawalan dan sokongan ekosistem yang lain; dan<br>f) melindungi fungsi-fungsi sosio-ekonomi hutan, termasuk fungsi rekreasi dan nilai estetik hutan dan perkhidmatan budaya yang lain; dan |

| | |
|---|---|
| | g) mempunyai bukti sejarah tanah yang menunjukkan kemerosotan bukan diakibatkan oleh kelemahan amalan pengurusan hutan yang disengajakan termasuk pemindahan pemilikan tanah; dan<br>h) berdasarkan pada bukti yang boleh dipercayai yang menunjukkan bahawa kawasan tersebut belum pulih atau dalam proses pemulihan |
| **Petunjuk 6.11.1** | Pertimbangan untuk penubuhan ladang hutan melalui penukaran hutan sangat terosot mesti memenuhi prasyarat (a) hingga (h). |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rundingan dengan masyarakat setempat jika berkenaan<br>• Analisis kos dan faedah termasuk aspek-aspek sosial<br>• Laporan EIA<br>• Bukti kelulusan<br>• Bukti sejarah tanah dan pemilikan<br>• Bukti mengenai status terosot/pemulihan kawasan hutan |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 6.12** | Penghutanan semula ekosistem bukan hutan yang mempunyai nilai ekologi penting hendaklah tidak berlaku kecuali dalam keadaan yang wajar di mana penukaran itu:<br>a) mematuhi dasar dan undang-undang kebangsaan dan wilayah yang diguna pakai untuk guna tanah dan pengurusan hutan dan juga hasil perancangan guna tanah kebangsaan atau wilayah yang ditadbir oleh kerajaan atau pihak berkuasa yang lain; dan<br>b) ditubuhkan berdasarkan keputusan yang dibuat di mana pihak-pihak berkepentingan yang terjejas mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan mengenai penukaran tersebut melalui proses konsultasi yang telus; dan<br>c) tidak mempunyai kesan-kesan negatif yang membahayakan ekosistem bukan hutan (termasuk yang terdedah kepada ancaman, jarang ditemui dan terancam), kawasan-kawasan yang penting dari segi budaya dan sosial, habitat-habitat penting spesies terancam atau kawasan-kawasan perlindungan lain; dan<br>d) melibatkan sebahagian kecil ekosistem bukan hutan yang mempunyai nilai ekologi penting yang diuruskan oleh sesebuah organisasi; dan<br>e) tidak memusnahkan kawasan-kawasan yang mempunyai stok karbon yang tinggi; dan<br>f) menyumbang kepada faedah-faedah pemuliharaan, ekonomi dan sosial dalam jangka panjang.<br><br>Penghutanan semula ekosistem bukan hutan yang mempunyai nilai ekologi penting selepas **31 Disember 2010** tidak layak mendapat pensijilan. |
| **Petunjuk 6.12.1** | Penghutanan semula tidak boleh berlaku di kawasan ekosistem bukan hutan yang mempunyai nilai ekologi penting seperti yang diterangkan dalam perkara (a) hingga (f). |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• EIA **(Semenanjung / Sabah)**<br>• *EIA Terms and Conditions Approval* **(Sarawak)**<br>• Analisis kos dan faedah termasuk aspek sosial<br>• Bukti mengenai status/keadaan kawasan tanah |

**PRINSIP 7: RANCANGAN PENGURUSAN**

Satu rancangan pengurusan yang bersesuaian dengan tempoh pegangan, skala dan intensiti operasi-operasi hendaklah disediakan, ditulis, diluluskan, dilaksanakan dan dikemaskini. Objektif-objektif pengurusan untuk jangka masa panjang dan kaedah-kaedah untuk mencapainya, hendaklah dinyatakan dengan jelas.

<table>
<tr><td>Kriteria 7.1</td><td colspan="3">Rancangan pengurusan dan dokumen-dokumen sokongan hendaklah merangkumi:<br>a) Objektif-objektif pengurusan<br>b) Penerangan tentang pentadbiran organisasi, sumber hutan untuk diurus, kekangan alam sekitar, guna tanah dan status pemilikan, keadaan sosio-ekonomi, dan profil kawasan tanah yang berdekatan.<br>c) Penerangan tentang silvikultur dan/atau sistem pengurusan yang lain termasuk pencegahan dan kawalan kebakaran, berdasarkan ekologi hutan berkenaan dan maklumat yang diperolehi melalui inventori sumber<br>d) Rasional bagi kadar pengusahasilan/penuaian tahunan dan pemilihan spesies, termasuk hasil hutan bukan kayu yang digunakan secara komersial<br>e) Peruntukan-peruntukan untuk pemantauan tumbesaran dan dinamik hutan<br>f) Perlindungan ke atas alam sekitar berdasarkan penilaian alam sekitar<br>g) Pelan untuk mengenal pasti dan melindungi spesies-spesies yang jarang ditemui, dalam bahaya dan terancam<br>h) Peta-peta yang menerangkan asas sumber hutan termasuk kawasan-kawasan perlindungan, aktiviti-aktiviti pengurusan yang dirancang dan pemilikan tanah<br>i) Penerangan dan justifikasi tentang teknik-teknik pengusahasilan/penuaian dan peralatan yang akan digunakan<br>j) Penerangan tentang konsultasi dengan pihak berkepentingan</td></tr>
<tr><td>Petunjuk 7.1.1</td><td colspan="3">Ketersediaan dan pelaksanaan rancangan pengurusan hutan termasuk pertimbangan risiko serta peluang ke arah pematuhan terhadap keperluan-keperluan standard.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan Tahunan Hutan</td><td>Sabah<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Laporan pematuhan</td><td>Sarawak<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan Penuaian Tahunan (LH)<br>• General Harvesting Plan dan Detailed Harvesting Plan (HA)</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **Kriteria 7.2** | Rancangan pengurusan hutan hendaklah disemak-semula secara berkala untuk memasukkan hasil-hasil pemantauan atau maklumat saintifik dan teknikal yang baharu dengan mengambilkira perubahan keadaan alam sekitar, sosial dan ekonomi. |
| **Petunjuk 7.2.1** | Pelaksanaan prosedur untuk menyemak semula rancangan pengurusan hutan secara berkala, memasukkan hasil pemantauan atau maklumat saintifik dan teknikal yang baharu dengan kekerapan yang bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi pengurusan hutan dengan mengambilkira perubahan keadaan alam sekitar, sosial dan ekonomi. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod semakan semula rancangan pengurusan hutan |
| **Petunjuk 7.2.2** | Pengurus hutan hendaklah harus tahu maklumat saintifik dan teknikal yang baharu termasuklah penggunaan pengetahuan tradisional dan Orang Asal yang bersesuaian dalam pengurusan FMU. |

| | |
|---|---|
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod maklumat saintifik dan teknikal baharu berkenaan pengurusan FMU<br>• Rekod-rekod komunikasi dan input daripada institusi-institusi penyelidikan, institusi-institusi pengajian tinggi atau Orang Asal dan masyarakat setempat |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 7.3** | Pekerja-pekerja hutan hendaklah menerima latihan dan penyeliaan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan rancangan pengurusan secara teratur. |
| **Petunjuk 7.3.1** | Pengurus hutan hendaklah menerangkan dengan jelas dan menetapkan peranan dan tanggungjawab khusus kepada pekerja hutan untuk memastikan rancangan pengurusan hutan dilaksanakan dengan berkesan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Carta organisasi dan deskripsi tugas |
| **Petunjuk 7.3.2** | Ketersediaan program-program latihan untuk melatih pekerja-pekerja hutan mengikut peranan masing-masing dalam melaksanakan rancangan pengurusan hutan secara teratur. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Senarai program-program latihan yang dijalankan dan/atau dihadiri oleh pekerja-pekerja hutan<br>• Rekod dan sijil latihan pekerja yang dikeluarkan |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 7.4** | Pengurus hutan hendaklah, bagi menjaga kerahsiaan maklumat menyediakan ringkasan rancangan pengurusan hutan yang mengandungi elemen-elemen utama termasuklah yang disenaraikan dalam Kriteria 7.1 untuk makluman awam. |
| **Petunjuk 7.4.1** | Satu ringkasan mengenai elemen-elemen utama rancangan pengurusan hutan seperti mana yang telah disediakan dan dilaksanakan di bawah Petunjuk 7.1.1 hendaklah disediakan untuk makluman awam. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Ringkasan awam rancangan pengurusan hutan |

**PRINSIP 8: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

Pemantauan hendaklah dijalankan bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan untuk menilai keadaan hutan dalam FMU, pengeluaran produk-produk hutan, rantaian jagaan, aktiviti-aktiviti pengurusan serta kesannya terhadap sosial dan alam sekitar.

<table>
<tr><td></td><td>Kriteria 8.1</td><td colspan="3">Kekerapan dan intensiti pemantauan hendaklah ditetapkan berdasarkan kepada skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan serta tahap kompleks dan kerapuhan alam sekitar yang terlibat. Prosedur-prosedur pemantauan hendaklah konsisten dan boleh diulangi sepanjang masa untuk membolehkan perbandingan ke atas keputusan-keputusan dan penilaian terhadap perubahan yang berlaku.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">HA</td><td>Petunjuk 8.1.1</td><td colspan="3">Pengurus hutan hendaklah mematuhi prosedur-prosedur pemantauan mengikut garis panduan persekutuan dan negeri yang berkaitan daripada Jabatan Perhutanan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan berkaitan dengan penggunaan borang pemantauan<br>• Maklumat Kajian Impak Sosial Dalam Sektor Pembalakan</td><td>Sabah<br>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan, Sabah, 2009<br>• Laporan Pematuhan<br>• Sabah Timber Legality Assurance System (TLAS)</td><td>Sarawak<br>• Ordinan Hutan, 2015 (Bab 71)<br>• Instruction for the Inspection of the Logging Area, 1982<br>• Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification</td></tr>
<tr><td rowspan="2">LH</td><td>Petunjuk 8.1.1</td><td colspan="3">Pengurus ladang hutan hendaklah melaksanakan rangkaian petak contoh kekal yang komprehensif, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan ladang hutan, untuk menilai kesihatan pokok yang ditanam, ekosistem hutan dan persekitaran hutan, serta keadaan pertumbuhan dan pertambahan stok.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td colspan="2">Semenanjung / Sarawak<br>• Maklumat terperinci petak-petak contoh kekal<br>• Rekod-rekod pengukuran berkala<br>• Keputusan-keputusan analisis rekod pengukuran berkala</td><td>Sabah<br>• Laporan Pematuhan<br>• Sabah Timber Legality Assurance System (TLAS)<br>• Maklumat terperinci petak-petak contoh kekal<br>• Rekod-rekod pengukuran berkala<br>• Keputusan-keputusan analisis rekod pengukuran berkala</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>Petunjuk 8.1.2</td><td colspan="3">Pengurus hutan hendaklah mengenal pasti dan melaksanakan prosedur pemantauan yang sesuai, mengikut skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan untuk menilai impak-impak terhadap sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi.</td></tr>
<tr><td>Verifier</td><td>Semenanjung<br>• Laporan-laporan audit dan pemantauan (LH)<br>• Rancangan Pengurusan Alam Sekitar (LH)<br>• Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan berkaitan</td><td>Sabah<br>• Environmental Monitoring Report (ECR)<br>• Prosedur-prosedur untuk memantau impak sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi</td><td>Sarawak<br>• Environmental Monitoring Report (EMR)<br>• Laporan-laporan pemeriksaan dan pengawasan<br>• Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | dengan penggunaan borang pemantauan<br>• Maklumat Kajian Impak Sosial Dalam Sektor Pembalakan<br>• Prosedur-prosedur untuk memantau impak sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi | • *Sabah Timber Legality Assurance System (TLAS)*<br>• *SFMLA Compliance Report* | *Forest Management Certification*<br>○ *Guideline 5 – Guidelines for Monitoring of High Conservation Values*<br>○ *Guideline 6 – Guidelines and Procedures for Social Impact Assessment and Monitoring of Forest Management Operations for Forest Management Certification in Sarawak*<br>○ *Guideline 10 A - RIL for Ground-Based Harvesting System (Part 1)*<br>○ *Guideline 10 B - RIL for Ground-Based Harvesting System (Part 2)*<br>• Prosedur-prosedur untuk memantau impak sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi |
| **Petunjuk 8.1.3** | Pengurus hutan hendaklah melaksanakan audit dalaman tahunan dan semakan semula pengurusan hutan untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan. Pengendalian audit dalaman, semakan semula pengurusan dan penambahbaikan yang berterusan adalah seperti dinyatakan di dalam **LAMPIRAN A**. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Laporan tahunan audit dalaman pengurusan hutan<br>• Laporan semakan semula pengurusan | | |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 8.2** | Pengurusan hutan hendaklah merangkumi penyelidikan dan pengumpulan data yang diperlukan untuk memantau kesihatan dan daya tahan hutan disebabkan faktor biotik dan abiotik yang utama dan kemampanan FMU, sekurang-kurangnya bagi petunjuk-petunjuk berikut:<br>a) Pengeluaran semua hasil hutan yang diusahasil/dituai<br>b) Komposisi dan perubahan-perubahan yang diperhatikan pada flora dan fauna.<br>c) Impak-impak alam sekitar dan sosial disebabkan oleh pengusahasilan/penuaian dan operasi-operasi lain.<br>d) Kos-kos dan produktiviti pengurusan hutan.<br>*e1)* Kadar tumbesaran, regenerasi dan keadaan hutan ***(HA)***<br>*e2)* Kadar tumbesaran dan keadaan ladang hutan ***(LH)*** |
| **Petunjuk 8.2.1** | Pengurus hutan hendaklah mengumpul maklumat yang berkaitan, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan yang diperlukan untuk memantau perkara (a) hingga (e) yang disenaraikan dalam Kriteria 8.2. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan Mengusahasil Hutan<br>• Laporan Penutup<br>• Keputusan-keputusan analisis Petak Tumbesaran dan Pengeluaran / Petak Tumbesaran / Petak Inventori Hutan Berterusan (CFI)<br>• Keputusan-keputusan analisis inventori hutan sebelum dan selepas tebangan dan Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)<br>• Analisa / kajian hidupan liar / inventori biodiversiti<br>• Laporan penilaian impak sosial, alam sekitar dan ekonomi<br>• Analisa / kajian tanah dan kualiti air (persekitaran fizikal) | **Sabah**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Rancangan kerja tahunan<br>• Laporan Pematuhan EIA<br>• Petak-petak contoh kekal<br>• Laporan-laporan penilaian impak sosial, alam sekitar dan ekonomi<br>• Rekod komunikasi sosial<br>• *SFMLA Compliance Report*<br>• Laporan pemantauan hidupan liar | **Sarawak**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Laporan pemantauan alam sekitar<br>• Laporan-laporan pemeriksaan dan pemantauan (aktiviti-aktiviti sebelum dan selepas penuaian)<br>• Data petak-petak contoh kekal<br>• Laporan-laporan penilaian impak sosial, alam sekitar dan ekonomi<br>• Laporan pemantauan hidupan liar |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Laporan-laporan pemantauan yang meliputi perkara (a) hingga (d) dan (*e2*) | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Kriteria 8.3** | Pengurus hutan hendaklah menyediakan dokumen yang membolehkan organisasi-organisasi pemantauan dan pensijilan mengenalpasti punca setiap hasil hutan dari mana asalnya, satu proses yang dikenali sebagai rantaian jagaan. | | |
| | **Petunjuk 8.3.1** | Pengurus hutan hendaklah menyediakan dokumen yang berkaitan untuk memastikan semua hasil hutan yang dikeluarkan daripada kawasan pensijilan boleh dikenal pasti (termasuk isipadu dan jenis) supaya puncanya boleh disahkan. Tuntutan-tuntutan spesifik untuk menyatakan sumber asal hasil-hasil itu seperti mana diperincikan dalam **LAMPIRAN B**. | | |
| **HA** | ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Pas Pemindah | **Sabah**<br>• Pas Pemindah atau/dan Pas Peralihan<br>• Permit Pelupusan Kayu | **Sarawak**<br>• Rekod inventori hutan sebelum tebangan<br>• Rekod Pulangan Pengeluaran Harian<br>• Rekod-rekod Pas Pemindah *(Royalti/Transit)* |
| **LH** | ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Rekod-rekod tebangan, pengeluaran dan pengangkutan<br>• Pas Pemindah / Permit | | |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 8.4** | Hasil-hasil pemantauan hendaklah dimasukkan ke dalam pelaksanaan dan semakan semula rancangan pengurusan dan dalam pelaksanaan sistem pengurusan hutan secara mampan untuk penambahbaikan yang berterusan. |
| **Petunjuk 8.4.1** | Pengurus hutan hendaklah memasukkan hasil-hasil dan penemuan-penemuan daripada aktiviti-aktiviti pemantauan ke dalam pelaksanaan dan semakan semula rancangan pengurusan hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Hasil-hasil yang berkaitan daripada aktiviti-aktiviti pemantauan hendaklah dimasukkan ke dalam semakan semula rancangan pengurusan hutan |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 8.5** | Pengurus hutan, hendaklah menjaga kerahsiaan maklumat dalam menyediakan satu ringkasan hasil pemantauan petunjuk-petunjuk kepada pihak awam, termasuk yang tersenarai dalam Kriteria 8.2. |
| **Petunjuk 8.5.1** | Ringkasan hasil pemantauan petunjuk-petunjuk, termasuk yang disenaraikan dalam Kriteria 8.2, hendaklah dimaklumkan kepada pihak awam. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Ringkasan awam hasil pemantauan petunjuk-petunjuk |

**PRINSIP 9: PENYELENGGARAAN KAWASAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMULIHARAAN YANG TINGGI (HCVA)**

Aktiviti-aktiviti pengurusan di Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVA) perlu mengekalkan atau meningkatkan sifat-sifat yang mentakrifkan kawasan-kawasan tersebut. Keputusan-keputusan mengenai Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi hendaklah sentiasa dipertimbangkan dalam konteks pendekatan secara berwaspada *(precautionary approach)*.

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria 9.1** | Penilaian untuk menentukan kehadiran sifat-sifat yang konsisten dengan Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi akan dilengkapkan, bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan. | | |
| **Petunjuk 9.1.1** | Pengurus hutan hendaklah menentukan kehadiran sifat-sifat HCVA dalam FMU mengikut garis panduan yang berkaitan, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan, serta menerusi rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan dan pakar-pakar yang berkaitan. | | |
| ***Verifier*** | **Semenanjung**<br>• Keputusan-keputusan Mahkamah Sivil berkaitan hak pegangan dan penggunaan mengikut undang-undang atau adat<br>• Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Bilangan 8 Tahun 2015 – Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemuliharaan yang Tinggi (HCVF) dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung<br>• Laporan penilaian termasuk peta yang menunjukkan Kawasan HCV menggunakan garis panduan, seperti dalam *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values*<br>• Rekod rundingan-rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan | **Sabah**<br>• Rancangan pengurusan hutan<br>• Laporan penilaian termasuk peta yang menunjukkan Kawasan HCV menggunakan garis panduan, seperti di dalam *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values*<br>• Sebarang laporan lain seperti ekspedisi saintifik<br>• Rekod-rekod rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Anak Negeri<br>• Hak-hak adat yang ditubuhkan Keputusan Mahkamah Sivil berkaitan hak pemegangan dan penggunaan mengikut undang-undang atau adat | **Sarawak**<br>• *Manual, Procedures and Guidelines for Sustainable Forest Management Certification*<br>o Guideline 5 – Guidelines for Monitoring of High Conservation Values<br>• Laporan penilaian termasuk peta yang menunjukkan Kawasan HCV menggunakan garis panduan, seperti di dalam *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values*<br>• Rekod-rekod rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan<br>• Kesemua undang-undang/adat yang diiktiraf dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak, termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan<br>• Ordinan Mahkamah Bumiputera, 1992<br>o Kaedah-kaedah Mahkamah Bumiputera, 1993<br>• Ordinan Adat Bumiputera (Pengisytiharan), 1996 (Bab 22) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Ordinan Perlindungan Hidupan Liar, 1998 (Bab. 26) |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 9.2** | Perundingan semasa proses pensijilan mesti memberi penekanan kepada sifat-sifat pemuliharaan yang telah dikenal pasti, dan pilihan-pilihan untuk menyelenggara sifat-sifat berkenaan. |
| **Petunjuk 9.2.1** | Pengurus hutan hendaklah berunding dengan pihak berkepentingan yang berkaitan mengenai pilihan-pilihan untuk mengekal atau meningkatkan sifat-sifat Kawasan HCV yang dikenal pasti. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Senarai pihak berkepentingan yang berkaitan yang telah dirujuk berkenaan Kawasan HCV tersebut<br>• Bukti rundingan / Rekod-rekod ulasan daripada pihak berkepentingan |
| **Petunjuk 9.2.2** | Pengurus hutan hendaklah menunjukkan bahawa operasi-operasi pengurusan hutan berkenaan melindungi Kawasan HCV dalam FMU. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Kawasan HCV dimasukkan ke dalam rancangan pengurusan hutan |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 9.3** | Rancangan pengurusan hendaklah merangkumi dan melaksanakan langkah-langkah spesifik bagi memastikan penyelenggaraan dan/atau peningkatan sifat-sifat pemuliharaan yang diguna pakai adalah konsisten dengan pendekatan secara berwaspada. Langkah-langkah ini hendaklah dinyatakan secara spesifik dalam ringkasan rancangan pengurusan untuk makluman awam. |
| **Petunjuk 9.3.1** | Langkah-langkah menanda, mengekal dan/atau meningkatkan sifat-sifat Kawasan HCV didokumenkan dalam rancangan pengurusan hutan dan dilaksanakan secara berkesan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Kawasan HCV ditanda di atas peta dan dimasukkan ke dalam rancangan pengurusan hutan serta ditanda di lapangan, di mana sesuai<br>• Preskripsi-preskripsi pengurusan untuk mengekal dan/atau meningkatkan sifat-sifat HCV, dan rekod-rekod tindakan yang telah diambil |
| **Petunjuk 9.3.2** | Langkah-langkah ini hendaklah dimasukkan ke dalam ringkasan rancangan pengurusan hutan untuk makluman awam. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Ringkasan rancangan pengurusan hutan dengan langkah-langkah untuk Kawasan HCV untuk makluman awam |

| | |
|---|---|
| **Kriteria 9.4** | Pemantauan tahunan hendaklah dijalankan untuk menilai keberkesanan langkah-langkah yang diambil untuk mengekal atau meningkatkan sifat-sifat pemuliharaan yang berkaitan. |
| **Petunjuk 9.4.1** | Pengurus hutan hendaklah menjalankan pemantauan tahunan yang bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi-operasi pengurusan hutan, untuk menilai keberkesanan langkah-langkah bagi mengurus Kawasan HCV dalam FMU. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Prosedur-prosedur pemantauan untuk menilai keberkesanan langkah-langkah bagi mengurus Kawasan HCV<br>• Rekod-rekod pemantauan |
| **Petunjuk 9.4.2** | Pengurus hutan hendaklah menggabungkan hasil-hasil dan penemuan-penemuan aktiviti-aktiviti pemantauan Kawasan HCV bagi pelaksanaan dan penyemakan semula rancangan pengurusan hutan. |
| ***Verifier*** | **Semenanjung / Sabah / Sarawak**<br>• Hasil-hasil dan penemuan-penemuan yang berkaitan daripada aktiviti-aktiviti pemantauan Kawasan HCV hendaklah dimasukkan semasa semakan semula rancangan pengurusan hutan termasuk langkah-langkah pengurusan Kawasan HCV, dimana berkaitan |

**Interpretasi Keperluan dalam Melaksanakan Audit Dalaman, Semakan Semula Pengurusan dan Penambahbaikan Berterusan**

<table>
<tr><th>Keperluan</th><th>Tafsiran</th></tr>
<tr><td>Petunjuk 8.1.3: Pengurus hutan hendaklah mengadakan audit dalaman tahunan dan semakan semula pengurusan hutan untuk penambahbaikan berterusan.</td><td>1. Audit Dalaman<br>1.1 Program audit dalaman hendaklah diadakan pada jangka waktu yang dirancang dan menyediakan maklumat sama ada sistem pengurusan:<br>a) menepati<br>• keperluan-keperluan organisasi tersebut untuk sistem pengurusannya;<br>• keperluan-keperluan standard MC&I SFM<br>b) dilaksanakan dengan berkesan dan dikekalkan<br>1.2 Organisasi hendaklah:<br>a) merancang, menubuhkan, melaksanakan dan menyelenggara program audit termasuk kekerapan, kaedah, tanggungjawab, keperluan perancangan dan pelaporan, yang akan mengambil kira kepentingan proses-proses berkenaan dan keputusan-keputusan audit terdahulu;<br>b) menentukan kriteria dan skop audit bagi setiap audit;<br>c) memilih juruaudit-juruaudit dan menjalankan audit untuk memastikan objektif dan kesaksamaan proses audit;<br>d) memastikan bahawa keputusan audit dilaporkan kepada pengurusan yang berkenaan;<br>e) menyimpan maklumat yang telah didokumentasikan sebagai bukti pelaksanaan program audit dan hasil pengauditan.<br><br>2. Semakan Semula Pengurusan<br>2.1 Satu semakan semula pengurusan secara tahunan hendaklah dilaksanakan dan meliputi sekurang-kurangnya:<br>a) status tindakan-tindakan daripada semakan-semakan semula pengurusan yang terdahulu;<br>b) perubahan-perubahan isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan;<br>c) maklumat prestasi organisasi, termasuk trend dalam:<br>• ketidakpatuhan dan tindakan-tindakan pembetulan;<br>• keputusan-keputusan pemantauan dan pengukuran;<br>• keputusan-keputusan audit;<br>d) peluang-peluang untuk penambahbaikan berterusan.<br>2.2 Hasil semakan semula pengurusan hendaklah merangkumi keputusan-keputusan berkaitan peluang-peluang penambahbaikan yang berterusan dan keperluan untuk perubahan kepada sistem pengurusan.<br>2.3 Maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti hasil semakan semula pengurusan hendaklah dikekalkan.</td></tr>
</table>

| Keperluan | Tafsiran |
|---|---|
| | **3. Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan**<br>3.1 Apabila ketidakpatuhan berlaku, sesebuah organisasi hendaklah:<br>a) bertindak ke atas ketidakpatuhan dan di mana berkenaan:<br>• mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya;<br>• menangani akibat-akibatnya;<br>b) menilai keperluan tindakan untuk menghapuskan punca-punca ketidakpatuhan, agar ia tidak berulang atau berlaku di tempat lain, dengan cara:<br>• mengkaji ketidakpatuhan tersebut;<br>• menentukan sebab-sebab ketidakpatuhan;<br>• menentukan sekiranya ketidakpatuhan serupa wujud, atau berpotensi untuk berlaku;<br>c) melaksanakan sebarang tindakan yang diperlukan;<br>d) mengkaji semula keberkesanan apa-apa tindakan pembetulan yang telah diambil;<br>e) membuat perubahan kepada sistem pengurusan, jika perlu.<br>3.2 Tindakan-tindakan pembetulan hendaklah bersesuaian dengan kesan-kesan ketidakpatuhan yang ditemui.<br>3.3 Organisasi tersebut hendaklah menyimpan maklumat yang didokumentasikan sebagai bukti:<br>a) punca ketidakpatuhan dan tindakan-tindakan yang diambil seterusnya;<br>b) hasil sebarang tindakan pembetulan.<br><br>**4. Penambahbaikan Berterusan**<br>4.1 Kesesuaian, kecukupan, dan keberkesanan sistem dan pengurusan hutan mampan perlu terus ditambahbaik. |

**Interpretasi Keperluan untuk Menyampaikan Tuntutan daripada Kawasan Pensijilan.**

| Keperluan | Tafsiran |
|---|---|
| **Kriteria 8.3**:<br>Pengurus hutan hendaklah menyediakan dokumen yang membolehkan organisasi-organisasi pemantauan dan pensijilan mengenalpasti punca setiap hasil hutan dari mana asalnya, satu proses yang dikenali sebagai rantaian jagaan<br><br>**Petunjuk 8.3.1**:<br>Pengurus hutan hendaklah menyediakan dokumen yang berkaitan untuk memastikan semua hasil hutan yang dikeluarkan daripada kawasan pensijilan boleh dikenal pasti (termasuk isipadu dan jenis) supaya puncanya boleh disahkan. | Bagi tujuan menyampaikan tuntutan-tuntutan dari kawasan-kawasan pensijilan, dokumentasi yang disediakan oleh pengurus hutan untuk rantaian jagaan hendaklah:<br>a) menyatakan "100% PEFC certified" atau lain-lain skim yang spesifik sebagai tuntutan yang digunakan untuk menyatakan sumber asal hasil hutan daripada kawasan pensijilan kepada pelanggan dalam rantaian jagaan PEFC;<br>b) memastikan bahawa pemilik/pengurus hutan yang menjual hasil hutan daripada kawasan selain daripada kawasan pensijilan, hanya hasil hutan dari kawasan pensijilan akan dijual dengan tuntutan "100% PEFC certified" atau lain-lain spesifikasi yang tertentu jika pemilik/pengurus hutan juga menjual hasil hutan daripada kawasan selain daripada kawasan pensijilan.<br>c) memastikan bahawa tuntutan sumber asal hasil hutan dari kawasan pensijilan hanya dibuat oleh pemilik/pengurus hutan yang memiliki sijil yang diiktiraf oleh PEFC;<br>d) menyatakan keperluan mengenai maklumat yang perlu disampaikan kepada pelanggan dalam rantaian jagaan PEFC. |

**Jawatankuasa Semakan Semula Standard**

**<u>Ahli dan Ahli Ganti yang Dilantik</u>**
**<u>Jawatankuasa Semakan Semula Standard MC&I(Hutan Asli)</u>**

| | Kumpulan Pihak Berkepentingan | Ahli | Ahli Ganti |
|---|---|---|---|
| Sabah | Agensi Kerajaan Berkaitan | **En. Musa Salleh**<br>Jabatan Perhutanan Sabah | **Pn. Hamidah Bujing**<br>Jabatan Perhutanan Sabah |
| | Orang Asal | **K.A.N. Saniban bin Amphila**<br>United Sabah Dusun Association | **En. Sagoli Olid**<br>Persatuan Suang Lotud Sabah |
| | Pekerja | **Pn. Engrit Liaw**<br>Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah | **En. Apolinar Tolentino**<br>Building and Wood Workers International |
| | Alam Sekitar | **En. Omar Abdul Kadir /**<br>**Prof. Madya Dr. Berhaman bin Ahmad**<br>Sabah Wetlands Conservation Society | **En. Vitalis J. Moduying**<br>Jabatan Perlindungan Alam Sekitar |
| | Industri | **En. Raymond Chiew Vui Leong**<br>Persatuan Kayu Kayan Sabah | **En. Stephen Chaw Zie Shing**<br>Persatuan Perusahaan Kayu Kayan Sabah |
| Sarawak | Agensi Kerajaan Berkaitan | **Pn. Tessy Anak Nimos**<br>Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | **En. Abang Ahmad bin Abang Morni**<br>Jabatan Hutan Sarawak |
| | Orang Asal | **En. Elbson Marajan**<br>Sarawak Dayak National Union | **Prof. Madya Dr. Ramy Bulan**<br>Majlis Tanah Kelabit |
| | Pekerja | **En. Zaidi Buang /**<br>**En. Mohamad Ali bin Hj Yacob**<br>Kesatuan Pekerja-Pekerja Jabatan Hutan Sarawak | **En. Andrew Lo Kian Nyan**<br>Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (Sarawak) |
| | Alam Sekitar | **Dr. Melvin T. Gumal**<br>WCS – Malaysia Program | **Dr. Jason Hon**<br>WWF-Malaysia (Sarawak) |
| | Industri | **En. Ling Kiang Cheng**<br>Persatuan Kayu Kayan Sarawak | **En. Ting Jack Hui /**<br>**Pn. Annie Ting /**<br>**En. David Marsden**<br>Persatuan Kayu Kayan Sarawak |
| Semenanjung | Agensi Kerajaan Berkaitan | **En. Mohd. Rahim bin Rani /**<br>**YBhg. Dato' Lim Kee Leng**<br>Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia | **Pn. Shashiah binti Abdul Karim /**<br>**En. Othman bin Deris**<br>Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| | Orang Asal | **En. Manolan Mohamad /**<br>**En. Romani bin Mohamad**<br>Persatuan Pembangunan Orang Asal Malaysia | **En. Suhaimi bin Mahmud /**<br>**YBhg. Dato' Ajis bin Sitin /**<br>**Prof. Dr. Juli Edo**<br>Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| | Pekerja | **En. Mohd. Najid Shauqi b. Mohd. Sahar @ Ishak /**<br>**En. Shahrun bin Murad**<br>Kesatuan Pegawai-Pegawai Hutan Melayu Semenanjung Malaysia | **En. Abd. Halim b. Abu /**<br>**En. Samsul Kamal bin Buyong**<br>Kesatuan Pegawai-Pegawai Hutan Melayu Semenanjung Malaysia |
| | Alam Sekitar | **En. Francis Cheong Fook Meng**<br>WCS – Malaysia Program | **En. Balu Perumal**<br>Persatuan Pencinta Alam Malaysia |
| | Industri | **En. Goh Chee Yew**<br>Persatuan Perindustrian Kayu Malaysia | **Dr. Eric Ng Kok Leong /**<br>**Pn. Hamidah Abdullah**<br>Majlis Kayu Kayan Malaysia |

**Jawatankuasa Semakan Terjemahan Standard**
**Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan**

| No. | Nama | Jawatan | Organisasi |
|---|---|---|---|
| 1 | YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus | Ketua Seksyen (Perancangan Mikro dan Makro) | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 2 | Dr. Grippin anak Akeng | Timbalan Pengarah (Operasi) | Jabatan Perhutanan Negeri Pahang |
| 3 | En. Harry Yong | Ketua Seksyen (Pengurusan Hutan Tanah Lembab) | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 4 | En. Raffae bin Ahmad | Ketua Seksyen Pensijilan Hutan | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 5 | En. Khairuddin bin Perdan | Penolong Pengarah Kanan (Penilaian Sumber Hutan) | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 6 | En. Mohd Izani bin Abdullah | Ketua Seksyen (Pemeliharaan Hutan Tadahan Air) | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 7 | En. Muhammad Umar bin Abdullah | Penolong Pengarah (Pengukuhan Integriti) | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 8 | Pn. Jennifer anak Francis | Penolong Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa I | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 9 | Pn. Kholizan binti Jamaludin | Penolong Pengarah Pensijilan Hutan I | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 10 | Cik Siti Aisah binti Dahlan | Penolong Pengarah Pensijilan Hutan II | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| 11 | Pn. Siti Syaliza Mustapha | Ketua Pegawai Eksekutif | Majlis Pensijilan Kayu Malaysia |
| 12 | En. Melvin Ku Kin Kin | Eksekutif Kanan (Pensijilan Hutan) | Majlis Pensijilan Kayu Malaysia |
| 13 | En. Haniff Salleh | Eksekutif (Pensijilan Hutan) | Majlis Pensijilan Kayu Malaysia |



PEFC Certified

This product is from sustainably managed forests and controlled sources

PEFC™
PEFC/34-31-195

www.pefc.org

mtcc®

MAJLIS PENSIJILAN KAYU MALAYSIA
C-8-5, Blok C, Megan Avenue 2, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-2161 2298 Faks: 603-2161 2293
Emel: info@mtcc.com.my Laman Web: www.mtcc.com.my